

1 Pengurusan dan Prospek Ekonomi



Pengurusan dan Prospek Ekonomi

Tinjauan

Asas ekonomi yang kukuh dan disokong pengurusan permintaan makroekonomi yang berkesan berjaya memulihkan ekonomi Malaysia dengan pantas daripada krisis kewangan global 2008/2009. Ketangkasan negara dalam menangani kegawatan ekonomi global yang terburuk sejak 1930-an menggambarkan sokongan padu rakyat serta komitmen Kerajaan dalam memfokus dan menyediakan penyelesaian segera ke atas perkara yang menjadi keutamaan rakyat. Prestasi ekonomi negara kian memberangsangkan. Belanjawan 2012 akan menumpukan kepada strategi dan langkah bagi membolehkan negara meningkatkan lagi potensi pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan hidup rakyat. Di samping itu, pertumbuhan ekonomi global berkembang perlahan berikutan kelemahan struktur ekonomi negara maju. Pada masa yang sama, Kerajaan sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga terhadap ketidaktentuan persekitaran luar dan komited merealisasikan aspirasi Malaysia menjadi negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020, melalui transformasi menyeluruh dalam sektor ekonomi dan awam serta sosial dan politik. Bagi tujuan ini, seluruh rakyat Malaysia perlu memberi sokongan padu, komited dan menyumbang kepada hasrat murni Kerajaan.

Belanjawan 2012 digubal berlandaskan agenda transformasi negara yang merangkumi empat tonggak bagi memacu perubahan. Matlamat Model Baru Ekonomi (NEM) akan dicapai melalui pelaksanaan Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang merupakan tonggak utama bagi melonjakkan Malaysia ke arah ekonomi maju berpendapatan tinggi dengan mengambil kira aspek keterangkuman dan kemampunan. ETP mengandungi dua bahagian, iaitu Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI) dan Bidang

Ekonomi Utama Negara (NKEA). Seterusnya, dua tonggak lain ialah 1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan dan Program Transformasi Kerajaan (GTP). Pelaksanaan semua program sektor awam, konsep 1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan bertujuan menyatukan seluruh rakyat Malaysia sebagai satu gagasan padu bagi menghadapi cabaran masa hadapan negara. GTP pula dirancang bagi mengukuhkan perkhidmatan awam serta membantu merealisasikan pencapaian Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dan NKEA. Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) merupakan tonggak keempat yang menyediakan dasar bagi menyokong pelbagai program dalam tempoh 2011 hingga 2015.

Belanjawan 2011 iaitu belanjawan pertama RMKe-10 mengariskan beberapa strategi dan program berkeutamaan tinggi bagi menangani pelbagai isu yang dihadapi. Setakat ini, pelaksanaan program di bawah Belanjawan 2011 telah menunjukkan kemajuan yang memberangsangkan dengan semua sasaran NKRA dan NKEA berjaya dicapai. Berdasarkan perkembangan ini dan mengambil kira pertumbuhan ekonomi yang kukuh sebanyak 7.2% yang dicatatkan pada 2010, prestasi ekonomi Malaysia pada 2011 dijangka kekal mampan dengan kadar pertumbuhan antara 5% hingga 5.5%. Dari sudut permintaan, aktiviti perbelanjaan penggunaan dan pelaburan swasta akan menerajui pertumbuhan ekonomi, manakala dari sudut penawaran pula akan dipacu oleh peningkatan dalam teknologi dan produktiviti tenaga kerja serta penggunaan modal yang efisien. Bagi tahun 2012, prospek ekonomi negara dijangka berkembang antara 5% hingga 6% didorong oleh perbelanjaan permintaan domestik yang terus berdaya tahan, walaupun wujud ketidaktentuan yang berterusan dalam sektor luar.

Penilaian Prestasi – 2011

Operasi Fiskal

Dalam persekitaran global yang kian mencabar, Kerajaan akan terus memperkukuh kedudukan fiskal di samping memastikan ekonomi negara dapat mengekalkan momentum pertumbuhan. Walaupun perbelanjaan mengurus meningkat terutamanya untuk menampung subsidi minyak masak dan bahan api yang lebih tinggi, defisit fiskal dijangka dapat dikawal pada 5.4% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) (2010: 5.6%). Defisit fiskal yang terkawal ini adalah hasil daripada peningkatan kecekapan perbelanjaan, kutipan hasil yang lebih baik dan langkah pengurangan kos operasi. Jumlah defisit ini akan dibiayai sebahagian besarnya daripada sumber domestik. Jumlah perbelanjaan Kerajaan dianggar meningkat kepada RM229.6 bilion, iaitu peningkatan 12.3% berbanding tahun 2010. Hasil Kerajaan Persekutuan dijangka meningkat 14.9% kepada RM183.4 bilion disokong oleh harga komoditi yang kukuh dan pertumbuhan ekonomi domestik yang menggalakkan. Disiplin fiskal akan terus diamalkan melalui pelbagai inisiatif untuk mengurangkan perbelanjaan yang tidak kritikal, mengukuhkan kutipan hasil dan meningkatkan akauntabiliti dalam pelaksanaan projek.

Kerajaan telah melaksanakan beberapa inisiatif dalam memperkukuh kedudukan kewangan awam. Dari segi perbelanjaan, rasionalisasi subsidi diteruskan bagi memastikan subsidi kekal dinikmati oleh kumpulan sasar. Harga petrol RON97, merupakan bahan api gred premium, ditentukan secara apungan terurus tertakluk kepada perubahan harga dari semasa ke semasa selaras dengan harga minyak mentah antarabangsa. Manakala, subsidi super diesel telah dimansuhkan bagi kategori kenderaan komersial tertentu dan kapal nelayan laut dalam. Selain daripada itu, harga gula telah dinaikkan lagi sebanyak 20 sen kepada RM2.30 sekilogram pada Mei 2011 untuk mengurangkan ketirisan dan faktor kesihatan. Langkah mengoptimumkan penggunaan aset Kerajaan seperti kemudahan fizikal dan peralatan bertujuan mengurangkan kos perbelanjaan tanpa menjejaskan kualiti

perkhidmatan semakin menjadi amalan agensi Kerajaan. Program audit perjawatan secara komprehensif di setiap agensi Kerajaan juga sedang dijalankan untuk menjadikan perkhidmatan awam lebih kejit dan fleksibel. Ini termasuk menempatkan semula kakitangan awam ke agensi yang kritikal, manakala pelantikan pekerja secara kontrak sedang dikaji semula. Selaras dengan perkembangan teknologi, penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta media bentuk baharu dipertingkatkan bagi menambah baik penyampaian perkhidmatan awam dan mengukur keberkesanan dasar.

Mulai tahun 2011, pelbagai projek pembangunan di bawah RMKe-10 akan dilaksanakan secara *two-year rolling plan*. Pendekatan ini memberi lebih fleksibiliti kepada Kerajaan bagi menjalankan kajian semula tahunan ke atas projek-projek berasaskan kemampuan kewangan, perubahan hala tuju dasar dan kepantasan tindak balas terhadap sebarang kejutan sistemik ekonomi. Pengurusan nilai turut dijalankan ke atas semua projek pembangunan baharu yang melebihi RM50 juta bagi memastikan jaminan nilai untuk wang dan kos perbelanjaan terkawal. Selain daripada itu, sistem pemantauan projek yang rapi telah diwujudkan bagi memastikan projek disempurnakan mengikut jadual. Pembidaan kompetitif dalam perolehan barangan dan perkhidmatan serta sistem *e-bidding* telah menyumbang ke arah peningkatan ketelusan dan kecekapan kos.

Beberapa inisiatif juga sedang diambil bagi merasionalisasikan insentif fiskal yang disediakan kepada pelbagai industri, meningkatkan lagi ketelusan pengurusan perolehan serta menambah baik pentadbiran dan pematuhan cukai. Di samping itu, Kerajaan juga telah mendapatkan khidmat institusi kewangan antarabangsa untuk mengkaji semula kedudukan perbelanjaan Kerajaan dari sudut kecekapan dan keberkesanan serta mengukur kekuatan, kelemahan dan ketelusan dalam kewangan awam.

Pelbagai langkah telah diambil untuk meningkatkan lagi kutipan hasil, termasuk memperluas liputan, kekerapan pengauditan, penyiasatan dan penguatkuasaan cukai serta menambah baik

pentadbiran dan pematuhan cukai. Usaha ini dilaksanakan melalui peluasan penggunaan teknologi maklumat serta sentiasa menyemak semula undang-undang dan peraturan bagi mengurangkan karenah birokrasi. Di samping itu, Kerajaan akan terus melaksanakan langkah monetisasi aset melalui jualan pegangan, pajakan atau pembangunan bersama serta pelupusan kepentingan pelaburan bukan teras syarikat milik Kerajaan untuk menggalakkan pewujudan ciptaan nilai dan merangsang pelaburan swasta. Langkah yang dilaksanakan akan menjadikan kedudukan fiskal kewangan awam lebih kukuh dan fleksibel serta berupaya bertindak dengan tangkas bagi menangani persekitaran global yang kian mencabar.

Perkembangan Monetari dan Kewangan

Dasar monetari tahun 2011 kekal akomodatif bagi menyokong pertumbuhan ekonomi di samping mengawal tekanan inflasi serta mengelakkan ketidakseimbangan kewangan. Berikutan daripada momentum pertumbuhan ekonomi pada suku pertama 2011, tahap dasar monetari yang akomodatif telah dilaraskan pada 5 Mei 2011 melalui kenaikan Kadar Dasar Semalaman (OPR) sebanyak 25 mata asas (bps) kepada 3.00%. Kadar tersebut telah dikekalkan semasa semakin semula dasar pada bulan Julai setelah mengambil kira risiko inflasi serta peningkatan ketidaktentuan ekonomi global. Sementara itu, nisbah Keperluan Rizab Berkanun (SRR) telah dinaikkan sebanyak 100 bps setiap kali pada April, Mei dan Julai 2011 kepada 4.00% daripada kadar 1.00% yang ditetapkan sejak Mac 2009. Ini adalah langkah awal bagi mengurus peningkatan mudah tunai berlebihan yang menyebabkan peningkatan tekanan ke atas kadar tukaran asing dan harga aset.

Sektor kewangan telah mengalami perubahan besar sejak krisis kewangan Asia 97/98, hasil daripada pelaksanaan Pelan Induk Sektor Kewangan dan Pelan Induk Pasaran Modal sepanjang tempoh 10 tahun yang lalu. Sektor kewangan kini lebih kukuh, pelbagai serta

berdaya tahan bagi menyokong aktiviti dalam semua sektor ekonomi dengan berkesan. Kedudukan permodalan yang teguh dan kualiti aset yang kukuh serta amalan pengurusan risiko yang berhemat telah menjadikan sistem kewangan lebih stabil dan berdaya tahan. Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2011, jumlah permohonan pinjaman terus berkembang dengan kukuh sebanyak 23.1%, manakala kelulusan pinjaman sebanyak 20.1%. Sehingga akhir Julai 2011, sistem perbankan semakin kukuh dengan nisbah modal wajaran risiko berada pada paras 14.3% dan nisbah modal teras pada 12.5%.

Pelan Induk Pasaran Modal 2 telah dilancarkan pada 12 April 2011, berdasarkan tema "*Growth with Governance*". Rangka tindakan strategik ini akan mentransformasikan pasaran modal dalam tempoh 10 tahun akan datang. Ianya bertujuan menangani cabaran struktur utama dan hubungan kait kritikal untuk menggalakkan persekitaran pengantaraan yang lebih pelbagai dan inovatif serta menjana peluang pertumbuhan baharu.

Pada masa ini, Malaysia mempunyai infrastruktur syariah, pengawalseliaan dan undang-undang mantap yang menawarkan perkhidmatan kewangan Islam yang komprehensif dalam perbankan, takaful dan pasaran modal termasuk produk yang inovatif. Malaysia sekali lagi menjadi peneraju kewangan Islam dengan menawarkan sukuk jangka panjang di bawah struktur wakala. Terbitan ini merupakan sukuk pertama di bawah struktur wakala. Walaupun pasaran tidak menentu berikutan daripada krisis hutang berdaulat Eropah serta kelemahan pasaran utama, sukuk tersebut telah menerima lebihan langganan 4.5 kali ganda. Berikutan penerbitan ini, saiz pasaran modal Islam kini melebihi RM1 trilion. Malaysia kekal sebagai peneraju terbitan sukuk yang mencakupi 62.7% daripada jumlah sukuk terkumpul global, manakala sebanyak 89% daripada saham tersenarai merupakan sekuriti patuh syariah. Jumlah nilai sukuk yang tersenarai di Bursa Malaysia berjumlah RM88.3 bilion (USD29.6 bilion) pada akhir Julai 2011, menjadikan Bursa ini sebagai penyenerai sukuk utama dunia.

Pencapaian Strategik Belanjawan 2011

Belanjawan 2011 yang bertemakan “Transformasi ke Arah Negara Maju Berpendapatan Tinggi” telah digubal dengan bertunjangkan matlamat dan hala tuju transformasi negara. Intipati tema ini diterjemahkan kepada empat strategi utama, iaitu mendaya kembali pelaburan swasta, membangunkan modal insan, mensejahterakan hidup rakyat, dan memantapkan penyampaian perkhidmatan awam. Projek-projek di bawah Belanjawan 2011 telah dan sedang dilaksanakan seperti yang dijadualkan.

Mendaya Kembali Pelaburan Swasta

Pengumpulan stok modal merupakan penentu faktor pengeluaran yang lazimnya diperlukan bagi pertumbuhan ekonomi. Untuk tujuan ini, Kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah termasuk mempergiatkan usaha sama antara sektor swasta dan awam bagi merangsang aktiviti pelaburan negara. Hasil daripada langkah tersebut, jumlah pembentukan modal tetap kasar telah meningkat 4.7% pada separuh pertama 2011 berbanding 9.5% dalam tempoh yang sama 2010. Selepas mencatat kadar pertumbuhan tertinggi di Asia pada 2010, jumlah pelaburan langsung asing (FDI) di Malaysia meningkat lagi sebanyak 75.4% dalam tempoh enam bulan pertama 2011 selaras dengan keyakinan pelabur yang berterusan terhadap ekosistem pelaburan dalam negeri. Perkembangan ini memberi prospek yang baik bagi ekonomi negara mencapai sasaran pertumbuhan pelaburan swasta pada kadar 12.8% bagi sepanjang tempoh RMKe-10.

Inisiatif Projek Perkongsian Awam-Swasta

Bagi sesebuah ekonomi moden yang dinamik, peranan sektor swasta amat diperlukan sebagai peneraju utama bagi menjana aktiviti ekonomi negara. Bagi tujuan ini, Kerajaan sentiasa menggalakkan penyertaan sektor swasta sebagai rakan strategik dalam pembangunan negara. Oleh yang demikian, inisiatif Projek Perkongsian

Awam-Swasta (PPP) terus dipergiatkan di bawah Belanjawan 2011 dengan memperuntukkan RM1 bilion untuk sokongan infrastruktur bagi membolehkan projek yang diterajui sektor swasta menjadi lebih berdaya maju.

Beberapa projek PPP yang telah mula dilaksanakan pada 2011, termasuk pembinaan hospital, pusat penyelidikan kesihatan, loji janakuasa dan universiti. Dalam hal ini, kerja-kerja pembinaan kampus tetap Universiti Perdana akan bermula pada November 2011 di Serdang, Selangor. Universiti Perdana ini merupakan projek usaha sama antara Academic Medical Centre Sdn. Bhd., Johns Hopkins University School of Medicine dan Royal College of Surgeons, Ireland. Apabila terlaksana sepenuhnya pada 2013, Universiti ini berkeupayaan melatih 1,500 pelajar perubatan dan mampu menyediakan perkhidmatan perubatan dan penjagaan kesihatan kepada kira-kira 200,000 pesakit setiap tahun. Sementara itu, pembinaan Hospital Pengajian Universiti Islam Antarabangsa Malaysia di Kuantan, Pahang dijangka bermula pada 2012 dan dijadual siap menjelang 2016. Projek ini akan dilengkapi kemudahan 300-katil, berkeupayaan melatih sejumlah 735 pelajar perubatan dan mampu memberi perkhidmatan perubatan kepada lebih 700,000 pesakit setahun apabila siap sepenuhnya. Pada masa yang sama, kerja-kerja pembinaan Hospital Wanita dan Kanak-kanak di Kuala Lumpur akan bermula pada 2012 dan dijangka siap menjelang 2015. Projek ini akan memberi manfaat kepada kira-kira 170,000 pesakit setiap tahun. Kerja-kerja pembinaan Kompleks Institut Penyelidikan Kesihatan Bersepadu di Kuala Lumpur juga akan bermula pada 2012 dan siap sepenuhnya tahun 2015.

Projek PPP lain yang terlibat di bawah Belanjawan 2011 ialah pembinaan dua loji jana kuasa gas berkitar padu 300-megawatt di Kimanis dan Lahad Datu, Sabah. Kerja-kerja pembinaan loji jana kuasa gas di Kimanis telah dimulakan pada April 2011 dan dijangka siap menjelang April 2014. Sementara itu, kerja-kerja pembinaan loji jana kuasa gas di Lahad Datu akan bermula pada Januari 2013 dan siap sepenuhnya menjelang Januari 2016. Loji jana kuasa ini akan dapat menampung

permintaan tenaga yang lebih tinggi di Sabah, khususnya bagi kluster pembangunan industri minyak dan gas di Kimanis dan Sipitang.

Pembangunan Strategik Berimpak Tinggi

Bagi tujuan merencanakan kegiatan pelaburan swasta, Kerajaan telah mengenal pasti beberapa projek strategik berimpak tinggi untuk dilaksanakan di bawah Belanjawan 2011. Untuk menegenahkan Malaysia sebagai hab kewangan Islam terulung di dunia, 1Malaysia Development Berhad (1MDB) akan membangunkan Daerah Kewangan Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIFD). KLIFD dijangka dapat menarik institusi kewangan tempatan dan luar negara beroperasi dalam kawasan bersepadu yang dicadang dibangunkan di sekitar Bukit Bintang. Pelan induk pembangunan 20 tahun yang terperinci ini dijadual siap pada suku pertama 2012, sementara kerja-kerja pembinaan akan bermula pada Jun 2012. Fasa pertama KLIFD dijangka beroperasi menjelang 2016.

Pada masa yang sama, fasa pertama projek MY Rapid Transit (MRT) sejauh 51 kilometer dari Sungai Buloh ke Kajang merupakan satu lagi inisiatif Kerajaan untuk mengurangkan masalah pengangkutan awam dan meningkatkan aktiviti pelaburan swasta. Projek ini telah dilancarkan pada Julai 2011 dengan kerja-kerja pembinaan akan bermula pada November 2011 dan dijangka siap menjelang 2016. Apabila selesai, projek ini akan menyediakan jaringan hubungan yang lebih baik, meningkatkan kekerapan perjalanan dan mengurangkan kesesakan lalu lintas. Sehubungan dengan itu, peratusan mod pengangkutan awam di Greater KL/Lembah Klang akan meningkat kepada 50% menjelang 2020 (2010: 17%) yang memberi manfaat kepada lebih kurang 1.2 juta pengguna.

Sebuah lagi projek utama yang dirancang untuk memacu aktiviti pelaburan serta membangunkan pambandaran mampan ialah projek pembangunan tanah Lembaga Getah Malaysia di Sungai Buloh. Projek seluas 1,060 hektar ini telah dikenal pasti untuk pembangunan bersepadu yang meliputi

kawasan kediaman moden, komersial, rekreasi, pendidikan dan kemudahan prasarana lain. Kerja-kerja pembinaan bagi projek ini dijangka bermula pada separuh kedua 2012 dan fasa pertama dijadualkan siap sepenuhnya menjelang 2017.

Sementara itu, Permodalan Nasional Berhad (PNB) sedang menyiapkan reka bentuk projek Warisan Merdeka. Projek pembangunan bersepadu yang bernilai RM5 bilion ini, termasuk sebuah menara 100 tingkat, pusat membeli-belah, hotel dan khidmat pangsapuri. Projek ini dimajukan di sekitar Stadium Merdeka dan Stadium Negara. Pembinaan menara pencakar langit 100 tingkat ini akan bermula pada 2012 dan dijangka siap menjelang 2017.

Mencergaskan Pasaran Modal

Dalam Belanjawan 2011, beberapa langkah telah diperkenalkan bagi mencergaskan pasaran modal domestik. Sehubungan dengan ini, Khazanah Nasional Bhd. (Khazanah) telah menjual pegangan utama sebanyak 32.21% saham miliknya dalam Pos Malaysia Berhad pada 21 Mei 2011, sementara syarikat milik Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) iaitu MSM Malaysia Holdings telah disenaraikan di Bursa Malaysia pada 28 Jun 2011. Sebelum ini, dua syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) telah disenaraikan iaitu Malaysia Marine and Heavy Engineering Berhad pada 29 Oktober 2010, manakala PETRONAS Chemical Group Berhad pada 26 November 2010. Pada masa yang sama, syarikat pelaburan berkaitan Kerajaan (GLIC) juga telah dibenarkan untuk meningkatkan pelaburan di luar negara dan meneroka peluang bagi meraih pulangan pelaburan yang lebih baik. Berdasarkan langkah ini, kedudukan pelaburan luar negara Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang terkini berjumlah 12.7% daripada keseluruhan aset berbanding 9.8% pada akhir Disember 2010.

Bagi meningkatkan lagi penyertaan pasaran runcit, Suruhanjaya Sekuriti (SC) telah menawarkan tiga lesen syarikat broker saham

yang baharu, termasuk satu lesen kepada syarikat pemilikan asing. Kerajaan dijangka mengumumkan rangka kerja pembangunan pasaran runcit bagi sukuk dan bon konvensional dengan terbitan pertama pada akhir 2011. Sementara itu, pada 25 Mac 2011, SC telah meningkatkan had bilangan *Proprietary Day Traders* (PDT) daripada 36 kepada 100. Sehingga kini, permohonan 22 PDT baharu telah diluluskan untuk beroperasi di pasaran. Selain daripada itu, pada 12 Julai 2011, SC telah menerbitkan pindaan terbaharu bagi Garis Panduan Sekuriti Hutang Swasta (PDS), Garis Panduan Sukuk dan Garis Panduan Ikatan Amanah untuk memantapkan lagi rangka kerja pengawalseliaan bagi penajaan dana dan peraturan penawaran produk dalam pasaran PDS dan sukuk.

Mempergiatkan Industri Modal Teroka

Untuk meningkatkan lagi peranan industri modal teroka dalam pembangunan ekonomi negara, Belanjawan 2011 telah memperuntukkan RM100 juta dana permulaan perniagaan kepada Malaysian Technology Development Corporation (MTDC). Pewujudan dana ini dikhususkan untuk memberi pembiayaan mudah yang fleksibel di mana syarikat hanya perlu membuat bayaran balik setelah menjana pendapatan. Sehingga kini, RM13 juta telah dikeluarkan kepada tiga syarikat dalam industri agri-bio, kejuruteraan lanjutan dan tenaga boleh diperbaharui (RE). Di samping itu, untuk membolehkan rangkaian jalinan dan kerjasama dalam kalangan pemodal teroka asing dan tempatan, MTDC akan menganjurkan *International Venture Capital Symposium 2011* di Kuala Lumpur pada 9 hingga 12 Oktober 2011. Dianggarkan 1,500 wakil dari kalangan penyedia dana teroka, syarikat-syarikat teknologi, institusi penyelidikan dan sektor korporat akan mengambil bahagian dalam simposium tersebut. Belanjawan 2011 juga menyediakan peruntukan untuk melatih usahawan baharu. Dalam hal ini, Cradle Fund Sdn. Bhd., sebuah syarikat Menteri Kewangan (Diperbadankan) akan melatih lebih daripada 500 usahawan melalui Program Bimbing dan Berkembang bagi tempoh setahun mulai September 2011.

Skim Amanah Hartanah Bumiputera

Kerajaan sentiasa berusaha untuk menggalakkan masyarakat Bumiputera melibatkan diri secara aktif dalam penajaan dan pemilikan kekayaan negara. Dalam hal ini, pada 29 November 2010, Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera telah melancarkan Skim Amanah Hartanah Bumiputera (AHB) bernilai RM1 bilion. Dengan hanya pelaburan permulaan RM500, skim pemilikan berkelompok patuh syariah ini membolehkan masyarakat Bumiputera memiliki harta tanah komersial utama di Lembah Klang. Sehingga kini, sebanyak 56,318 pemegang unit, termasuk individu dan syarikat telah melabur dalam skim ini, manakala pelaburan AHB dalam harta tanah berjumlah RM800 juta.

Dana Pencen Swasta

Untuk merancang lagi aktiviti pasaran modal dan menggalakkan rakyat Malaysia melabur bagi menampung keperluan hari persaraan, Kerajaan sedang berusaha untuk menubuh Dana Pencen Swasta (PRS) bagi melengkapi kemudahan pencen awam yang sedia ada. Sehubungan dengan ini, pada 11 Julai 2011, Parlimen telah meluluskan pindaan Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 yang merangkumi peruntukan rangka kerja pengawalselia untuk PRS. Pada masa ini, usaha sedang dijalankan ke arah pelaksanaan PRS, termasuk mengadakan perbincangan dengan pelbagai pihak berkuasa, peneraju industri dan pihak lain yang berkepentingan.

Meningkatkan Kegiatan Industri Elektrik dan Elektronik

Industri elektrik dan elektronik masih merupakan penyumbang utama kepada ekonomi negara, meskipun berhadapan dengan persaingan serantau yang semakin sengit serta cabaran perubahan teknologi dan strategi rantaian bekalan global. Industri ini menyumbang kira-kira 8% kepada KDNK, 39% kepada eksport kasar dan 4.5% tenaga kerja negara. Bagi membolehkan syarikat tempatan untuk beralih ke tahap aktiviti rantaian nilai yang lebih tinggi, Kerajaan telah

memperuntukkan RM253.5 juta dalam Belanjawan 2011. Sejumlah RM72 juta telah dibelanjakan bagi penubuhan Hab Ujian dan Pengukuran serta pusat pensijilan light emitting diode (LED) di Pulau Pinang, pengkomersialan jaringan pengesan tanpa wayar (*wireless sensor network*) untuk pengawasan pertanian dan alam sekitar di Pahang, Sabah dan Terengganu serta menjalankan kajian kemungkinan pusat kecemerlangan reka bentuk industri.

Mencergaskan Industri Minyak, Gas dan Tenaga

Industri minyak, gas dan tenaga domestik juga memainkan peranan penting dalam pertumbuhan ekonomi negara. Untuk mencergaskan lagi industri ini, RM298 juta telah diperuntukkan dalam Belanjawan 2011. Sehingga kini, RM59.2 juta telah dibelanjakan bagi pembangunan Pusat Perkhidmatan dan Peralatan Minyak di Johor serta melaksanakan projek kecekapan tenaga. Daripada jumlah tersebut, RM32.6 juta telah dibelanjakan. Dana ini juga telah digunakan bagi penubuhan Perbadanan Sumber Petroleum Malaysia yang akan mempromosikan industri minyak dan gas negara. Projek pembinaan yang diterajui oleh sektor swasta ini telah bermula pada April 2011 dan dijangka siap menjelang Julai 2012. Setelah siap, pusat ini akan menjana pendapatan tahunan RM1.2 bilion melalui penyediaan perkhidmatan kepada industri minyak, gas dan tenaga. Di samping itu, projek regasifikasi PETRONAS di Sungai Udang, Melaka juga telah bermula pada April 2011 dan akan siap sepenuhnya menjelang Ogos 2012. Bagi projek kecekapan tenaga, Kerajaan telah melancarkan projek Sustainability Achieve Via Energy (SAVE) pada 7 Julai 2011. Di bawah projek ini, rebat tunai diberikan kepada pengguna yang membeli peti sejuk dan alat penyaman udara jimat tenaga serta syarikat yang membeli penyejuk berkeupayaan jimat tenaga.

Memajukan Teknologi Hijau

Dalam usaha untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau, Kerajaan telah melaksanakan program B5 di Putrajaya pada 1 Jun 2011. Bahan

api B5 ini merupakan kandungan campuran 5% minyak sawit *methyl ester* dan 95% diesel. Usaha sedemikian seterusnya diperluaskan ke seluruh negara. Menjelang 1 November 2011, bekalan bahan api B5 boleh didapati di 1,150 stesen minyak di Kuala Lumpur, Melaka, Negeri Sembilan, Putrajaya dan Selangor. Sementara itu, berikutan dengan kelulusan Akta Tenaga Boleh Diperbaharui oleh Parlimen pada 27 April 2011, mekanisme *Feed in Tariff* (FiT) dijangka akan dilaksanakan menjelang Disember 2011. Mekanisme ini akan membolehkan individu dan pengeluar bebas untuk membekalkan tenaga elektrik daripada sumber RE kepada syarikat utiliti bekalan elektrik. Pada 11 Ogos 2011, Kerajaan telah membuat keputusan dasar untuk memastikan suhu penyaman udara di dalam bangunan Kerajaan ditetapkan tidak kurang daripada 24°Celsius.

Menyuburkan Sektor Pertanian

Sektor pertanian telah diperuntukan RM3.4 bilion pada tahun 2011 untuk mempertingkatkan produktiviti dan pulangan ekonomi dalam sektor ini. Daripada keseluruhan peruntukan ini, RM253 juta telah dikhususkan untuk pembangunan Zon Perindustrian Akuakultur dengan skala besar di Desaru (Johor), Pulau Permatang Pauh (Pahang), Selinsing (Perak), Setiu (Terengganu) serta Pitas dan Tawau (Sabah). Projek di Selinsing dan Tawau telah bermula pada 2010, manakala projek selebihnya pada 2011 dan dijangka siap menjelang 2016. Setelah terlaksana sepenuhnya, projek ini dijangka meningkatkan hasil pengeluaran akuakultur sebanyak 483,800 tan metrik atau RM4.5 bilion yang akan memberi manfaat kepada 4,000 petani di Sabah serta 1,030 petani di Johor, Pahang, Perak dan Terengganu. Di samping itu, RM97.8 juta telah diperuntukkan untuk menaik taraf sistem perparitan dan pengairan serta bagi meningkatkan produktiviti melalui penggunaan benih padi bermutu tinggi di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) di Kedah dan Perlis. Sehingga kini, RM13.3 juta telah dibelanjakan untuk kajian, kerja infrastruktur kecil dan kerja tambahan manakala bakinya RM36.5 juta akan digunakan untuk pengambilan balik tanah. Peruntukan RM48 juta juga diberikan sebagai insentif kepada petani dengan RM10 juta telah

dibelanjakan untuk musim kedua penanaman padi yang bermula pada September 2011. Seramai 2,900 petani telah mendapat manfaat daripada insentif ini dan baki peruntukan RM38 juta akan diagihkan kepada petani untuk tempoh empat musim penanaman seterusnya.

Dalam Belanjawan 2011, peruntukan RM135 juta akan dibelanjakan untuk menggalakkan penyertaan petani dalam aktiviti pertanian bernilai tinggi, termasuk sarang burung walit, rumpai laut serta herba dan rempah ratus. Sehubungan dengan itu, beberapa program telah dijalankan dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia untuk memudahkan penternakan burung walit, termasuk pengesanan sarang burung, melaksanakan penguatkuasaan, menjalankan kerja-kerja pensijilan serta penyelidikan dan pembangunan (R&D). Bagi program rumpai laut, RM46.3 juta telah diperuntukkan pada 2011 bagi pembukaan 15 estet mini yang meliputi 1,214 hektar di Lahad Datu, Semporna dan Tawau, Sabah. Pengeluaran pada 2011 dijangka pada sekitar 22,000 tan metrik rumpai laut kering yang bernilai kira-kira RM66 juta. Pada masa yang sama, RM78.9 juta telah disediakan untuk Taman Penanaman Herba di Chegar Perah, Pahang dan Pasir Raja, Terengganu. Setakat ini, 30% daripada projek tersebut telah siap dilaksanakan.

Sejumlah RM5.9 juta telah diberikan kepada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) untuk menjalankan kajian pemasaran yang telah memberi manfaat kepada 3,754 usahawan tani. Usaha lain yang dijalankan untuk meningkatkan sektor pertanian termasuk pembinaan tiga Makmal Diagnostik Bersepadu di Besut, Terengganu bermula pada 1 Mac 2011 untuk memudahkan aktiviti penyelidikan. Usaha ini turut meliputi pembinaan Pusat Penyelidikan Antarabangsa Tanaman Masa Hadapan di Semenyih, Selangor bermula pada 27 Jun 2011 bertujuan menggalakkan R&D tanaman yang kurang dimanfaatkan. Pembinaan kedua-dua projek ini dijangka siap menjelang 2013. Pada masa yang sama, untuk menggalakkan pembangunan yang berterusan dalam industri agro-makanan dan asas tani, Kerajaan telah melanjutkan insentif

cukai bagi syarikat yang menjalankan aktiviti pengeluaran bahan makanan selama lima tahun lagi sehingga 31 Disember 2015.

Merancakkan Industri Pelancongan

Industri pelancongan merupakan penyumbang penting kepada ekonomi negara dengan sumbangan 12.3% daripada nilai tambah negara dan menyumbang 16% kepada tenaga kerja negara. Malaysia juga telah diiktiraf sebagai satu daripada destinasi pelancongan terkemuka dunia, kini tersenarai dalam kalangan 10 negara teratas dari segi ketibaan pelancong dan 15 negara teratas bagi penerimaan hasil pelancongan global. Bagi mengukuhkan lagi industri ini, Belanjawan 2011 telah memberi pengecualian duti import ke atas kira-kira 300 barangan kegemaran pelancong dan rakyat tempatan. Untuk menarik kedatangan lebih ramai pelancong, pada 2011 beberapa acara telah dianjurkan antaranya Le Tour de Langkawi 2011, Royal Langkawi International Regatta, Pertandingan Meluncur Antarabangsa, Festival Layang-layang Antarabangsa Pasir Gudang 2011 dan Triathlon Antarabangsa Port Dickson 2011. Inisiatif menarik yang lain ialah program *homestay* yang memberi peluang kepada pelancong untuk merasai pengalaman kehidupan di kampung. Program ini membolehkan penduduk desa mendapat manfaat daripada aktiviti berkaitan pelancongan. Sehingga kini, terdapat 3,162 pengendali *homestay* di seluruh negara telah dilatih dan diberi lesen serta dianggarkan 54,000 pelancong akan menyertai program ini pada 2011.

Memangkin Industri Minyak Sawit dan Produk Berkaitan

Industri minyak sawit tempatan yang berusia melebihi 100 tahun mempunyai kedudukan global yang kukuh dari segi produktiviti dan R&D. Memandangkan keupayaan industri ini mampu untuk terus menyumbang kepada nilai tambah negara, Belanjawan 2011 telah memperuntukkan RM297 juta bagi menggalakkan kerja penanaman semula pokok sawit yang tidak produktif dengan

penggunaan klon baru bermutu tinggi dan menambah baik produktiviti bagi industri tersebut. Sehingga kini, sebanyak 45,139 hektar tanah estet dan 3,083 hektar tanah pekebun kecil telah ditanam semula sepanjang tempoh lapan bulan pertama 2011. Dalam tempoh tersebut, pengeluaran minyak sawit mentah telah meningkat 8.2% kepada 12 juta tan metrik (Januari – Ogos 2010: 1.8%; 11.1 juta tan metrik), manakala penghasilan buah tandan segar sehektar juga meningkat kepada 12.52 tan metrik sehektar (Januari - Julai 2010: 11.76 tan metrik sehektar). Di samping itu, peruntukan sebanyak RM23.3 juta telah disediakan untuk mengembangkan industri hiliran minyak sawit. Daripada jumlah tersebut, RM19.7 juta akan dibelanjakan untuk R&D tokotrienol (vitamin E asli) melalui kerjasama strategik dengan beberapa institusi.

Pembangunan Koridor dan Wilayah

Kerajaan kekal komited untuk memanfaatkan kelebihan perbandingan bagi pelbagai kawasan yang tertentu di negara ini untuk mengoptimumkan pulangan hasil ETP, di samping membolehkan semua lapisan masyarakat mendapat faedah daripada pembangunan ekonomi. Untuk tujuan ini, Belanjawan 2011 telah memperuntukkan RM850 juta kepada lima koridor pertumbuhan di negara ini. Iskandar Malaysia diperuntukkan RM339 juta bagi membina lebuh raya, memajukan kawasan perumahan serta menyediakan dan menambah baik perkhidmatan pengangkutan awam. Setakat ini, sebanyak RM191.5 juta dibelanjakan bagi pembinaan lebuh raya, RM130 juta untuk memajukan kawasan perumahan dan RM7.8 juta bagi penambahbaikan perkhidmatan pengangkutan awam. Beberapa projek yang diterajui sektor swasta juga sedang dilaksanakan. Projek Newcastle University of Medicine Malaysia khususnya telah siap dibina pada Mei 2011, dan sebanyak 100 pelajar pengambilan pertama akan memulakan sesi pengajian pada September 2011. Johor Premium Outlet di Kulaijaya yang akan menawarkan barangan berjenama pada harga diskaun pula dijangka beroperasi pada November 2011. Marlborough College yang merupakan sekolah harian swasta dan dilengkapi dengan

asrama telah mula dibina pada Disember 2009 dan dijadualkan siap menjelang 2012. Kolej ini berupaya menampung 1,300 pelajar yang akan memulakan sesi pengambilan pertama pada Ogos 2012.

Bagi Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER), RM133 juta telah diperuntukkan bagi menjalankan 25 projek yang merangkumi empat teras pembangunan iaitu pertanian, pembuatan, pelancongan dan logistik. Daripada jumlah ini, RM10.8 juta disalurkan bagi pembangunan Kompleks Akuakultur Koridor Utara di Selinsing, Perak. Kompleks yang meliputi 445 hektar tanah ini dijangka siap menjelang Mac 2012. Sebanyak RM13.6 juta telah disediakan untuk menaik taraf infrastruktur pelancongan di Hutan Hujan Tropika Belum-Temenggor, Sayong Riverfront di Kuala Kangsar serta Zoo dan Night Safari di Taiping. Manakala, Pusat Inkubator Bioteknologi di Bukit Minyak, Seberang Prai Tengah, Pulau Pinang yang bernilai RM7.4 juta pula masih dalam pembinaan dan dijadualkan siap menjelang Ogos 2012. Pusat ini akan menyediakan platform perkhidmatan yang menyeluruh bagi mempercepatkan pembangunan industri bioteknologi di wilayah utara.

Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) telah menerima peruntukan RM178 juta untuk pelaksanaan pelbagai projek, termasuk pembinaan taman perindustrian dan loji rawatan air, pembangunan kawasan pelancongan, skim agropolitan serta pembangunan semula kawasan Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara dan Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka. Taman Perindustrian di Pasir Mas dan Pekan kini dalam pembinaan dan dijangka siap untuk beroperasi pada April 2012. Loji Rawatan Air Panching juga dalam pembinaan dan pelaksanaan projek ini akan meningkatkan perkhidmatan bekalan air di Kuantan. Beberapa kawasan pelancongan juga sedang dibangunkan, termasuk Muzium Sultan Abu Bakar, Pelancongan Warisan Pekan dan Taman Negeri Tasik Chini di Pahang serta Pusat Bandaraya Kuala Terengganu di Terengganu. Skim agropolitan bertujuan untuk membasmi kemiskinan di ECER. Di bawah projek ini, penternakan biri-biri dan penanaman kelapa sawit sedang dilaksanakan di Kelantan, Terengganu

dan Pahang. Sehingga kini, 140 isi rumah miskin telah mendapat manfaat dan menjelang pertengahan 2012, 638 isi rumah lagi dijangka akan mendapat faedah. Bagi pembangunan semula kawasan Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara dan Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka, sejumlah RM30 juta telah diperuntukkan untuk 96 projek, termasuk pembangunan kampung tradisional dan terminal pengangkutan baharu di Bandar Baru Jengka.

Kemajuan projek infrastruktur di Koridor Tenaga Diperbaharui (SCORE) Sarawak juga sedang dilaksana seperti yang dijadualkan. Projek Bekalan Air Samalaju di Bahagian Bintulu yang bermula pada 1 September 2009 khususnya telah siap dibina pada Mac 2011. Projek bekalan air ini akan memberi manfaat kepada semua industri berintensif tenaga di Samalaju Industrial Park. Sementara itu, pembinaan jalan masuk ke empangan janakuasa hidro elektrik dan tapak arang batu serta Samalaju Industrial Park dan Lapangan Terbang Baharu Mukah masih dalam pelbagai peringkat pelaksanaan. Loji peleburan aluminium yang pertama di Malaysia berada di Bahagian Mukah telah memulakan pengeluaran pada November 2009. Sehingga kini, loji tersebut telah mencapai kapasiti pengeluaran 60,000 tan metrik setahun. Berikutan kejayaan ini, satu lagi loji aluminium dengan kapasiti pengeluaran 100,000 tan metrik setahun sedang dirancang untuk dibina. Projek lain yang sedang dilaksanakan termasuk kilang *polycrystalline silicon* dan *metallic silicon*.

Koridor Pembangunan Sabah telah diperuntukkan RM110 juta untuk pelaksanaan beberapa projek, termasuk projek kelompok industri minyak sawit, presint industri agro dan pusat penternakan bersepadu. Projek kelompok minyak sawit dikhususkan untuk menyediakan prasarana asas di Lahad Datu dan Sandakan serta dijangka siap pada 2012. Pembinaan projek Sabah Agro Industrial Precinct di Kimanis, Papar pula bertujuan untuk merangsang dan menyokong usaha mentransformasi sektor pertanian tradisional dan bersaiz kecil kepada sektor yang diterajui oleh aktiviti berteraskan teknologi dan penjaanaan inovasi. Projek ini dijangka siap dilaksana

pada akhir 2011. Sementara itu, aktiviti kerja tanah di Pusat Ternakan Bersepadu Keningau yang bermula pada September 2010 telah siap sepenuhnya pada April 2011. Manakala, kerja pembinaan fizikal dijangka bermula pada 2012 dan akan siap pembinaannya pada akhir 2013. Projek ini dijangka meningkatkan bekalan produk tenusu negara.

Menggalakkan Aktiviti Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersialan

Untuk meningkatkan kegiatan inovasi dan memudahkan urusan pengkomersialan hasil penemuan kerja R&D di universiti dan institusi penyelidikan, Akta Agensi Inovasi Malaysia telah diluluskan di Parlimen pada 21 Disember 2010. Dengan pewujudan Akta ini, Agensi Inovasi Malaysia (AIM) mula beroperasi pada 15 April 2011 dengan peruntukan RM71 juta bagi menyediakan rangka tindakan program dan aktiviti untuk meningkatkan kegiatan inovasi, reka cipta dan pengkomersialan produk baharu. Daripada jumlah ini, kira-kira RM10 juta telah disalurkan bagi pelbagai program dan aktiviti, termasuk Program Innovation Accelerators, Program Inno Think dan Pembangunan Strategi Inovasi Nasional. Peruntukan tambahan RM279.5 juta juga telah disediakan kepada pelbagai agensi lain untuk aktiviti R&D. Sejumlah RM130 juta disalurkan untuk beberapa inisiatif, termasuk Dana Sains, Dana Pengkomersialan dan Program Pembangunan Modal Insan. Hasil daripada usaha ini, bilangan cap dagangan dan paten berdaftar di dalam negeri telah meningkat 55.4% dalam tempoh lapan bulan pertama 2011 berbanding dengan 14.7% pada tempoh yang sama tahun sebelumnya.

Memajukan lagi Industri Kreatif

Industri kreatif yang merangkumi tiga kategori iaitu kreatif multimedia, kreatif seni budaya dan kreatif warisan budaya, mempunyai keupayaan yang ketara untuk menyumbang secara langsung kepada pertumbuhan ekonomi negara. Untuk melonjakkan potensi industri, Kerajaan telah

mengumumkan Dasar Industri Kreatif pada 12 November 2010. Di samping itu, Belanjawan 2011 memperuntukkan RM200 juta untuk pembelian produk kreatif, termasuk penerbitan animasi, dokumentari dan filem tempatan. Dengan usaha ini, bilangan animasi, dokumentari dan filem yang dihasilkan dalam negeri telah meningkat sebanyak 36.4% dalam tempoh lapan bulan pertama 2011 berbanding dengan 6.5% dalam tempoh yang sama tahun sebelumnya.

Membangunkan Modal Insan

Usaha gigih pekerja merupakan satu komponen penting dalam fungsi pengeluaran sesebuah ekonomi. Sehubungan dengan ini, langkah untuk meningkatkan kemahiran tenaga buruh atau lazimnya dikenali sebagai pembangunan modal insan, terus menjadi strategi penting dari segi peningkatan produktiviti tenaga kerja. Bagi mencapai matlamat ini, Belanjawan 2011 telah memperuntukkan RM40.1 bilion untuk program pembangunan modal insan di seluruh negara.

Mempergiat Usaha Menarik Bakat

Menyedari peranan bakat tempatan sebagai penggerak utama dalam menjayakan ETP, Kerajaan telah menubuhkan Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) pada 1 Januari 2011. Inisiatif awal yang telah dilaksanakan, termasuk program peningkatan kemahiran, Scholarship Talent Attraction and Retention Programme (STAR), Returning Expert Programme (REP) dan Pas Residen.

Sehingga kini, RM13.7 juta telah dibelanjakan untuk pelbagai inisiatif. Antara inisiatif yang dilancarkan pada 24 April 2011 ialah program FasTrack, program 12 bulan yang mensasarkan siswazah kejuruteraan tempatan yang memperoleh pencapaian cemerlang dalam usaha menambah bilangan jurutera R&D. Program STAR yang telah dilancarkan pada 22 Ogos 2011 dengan usaha sama Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk mengekalkan bakat muda yang cemerlang dengan

membolehkan pemegang biasiswa JPA berkhidmat dengan syarikat peneraju utama. TalentCorp akan memainkan peranan penting dalam pentadbiran program REP. Sejak diperkenalkan pada 2001, sejumlah 977 permohonan baharu profesional Malaysia telah diluluskan oleh Kerajaan. Bagi tempoh lapan bulan pertama 2011, bilangan kelulusan telah bertambah lagi sebanyak 424. Bagi mengekalkan bakat luar yang menyumbang kepada ETP, Pas Residen telah diperkenalkan pada April 2011 yang membolehkan pemegangnya tinggal dan bekerja di Malaysia bagi tempoh sehingga 10 tahun.

Memperluas Akses kepada Pendidikan Berkualiti

Langkah menyediakan dan memberi peluang mendapatkan pendidikan berkualiti sangat penting untuk melengkapkan rakyat supaya mampu bersaing pada peringkat global dan memacu negara ke tahap yang lebih tinggi. Untuk mencapai matlamat ini, Kerajaan memperuntukkan RM6.4 bilion perbelanjaan pembangunan untuk membina dan menaik taraf sekolah, asrama, kemudahan dan peralatan serta memartabatkan status profesion perguruan. Daripada jumlah ini, RM5.4 bilion diperuntukkan untuk membina 1,474 sekolah dan 30 asrama serta menaik taraf 574 sekolah. Di samping itu, RM213 juta diperuntukkan untuk tujuan memberi ganjaran kepada sekolah berprestasi tinggi serta mengiktiraf pengetua, guru besar dan guru yang cemerlang. Sehingga kini, sebanyak 52 sekolah berprestasi tinggi dan kira-kira 14,600 guru termasuk 586 guru besar telah diberi ganjaran. Berikutan langkah ini, pencapaian pelajar di sekolah awam semakin meningkat dan pada 2011, pelajar di Tahun 2 telah mencapai kadar literasi 95% dan kadar numerasi 97%.

Memperkasa Pendidikan Awal

Pendidikan awal kanak-kanak memainkan peranan penting dalam membangunkan minda dan memberikan pendedahan awal kepada mereka sebelum memulakan pendidikan sekolah

rendah. Memandangkan betapa pentingnya pendidikan prasekolah, Kerajaan berhasrat untuk meningkatkan kadar enrolmen prasekolah kepada 80% menjelang akhir 2011 berbanding dengan kadar semasa 68.9%. Bagi mencapai sasaran tersebut, 2,962 prasekolah telah ditubuhkan termasuk 197 di Sabah dan 352 di Sarawak. Untuk meningkatkan lagi kualiti pendidikan di prasekolah berkenaan, seramai 3,919 guru lepasan ijazah telah dilantik. Belanjawan 2011 turut memperuntukkan dana bagi pembinaan fasa kedua Kompleks Sekolah PERMATA Pintar di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. Pembinaan kompleks tersebut telah bermula pada 1 Jun 2011 dan dijangka siap pada Disember 2012. Sementara itu, pembinaan lima Pusat Anak PERMATA Negara (PAPN) di seluruh negara dijangka siap pada akhir Oktober 2011, manakala 28 PAPN lagi akan disiapkan pada awal 2012. Pada masa ini, 1,167 pelajar sedang menghadiri kelas prasekolah di semua 47 PAPN. Selain daripada itu, pelaksanaan program PERMATA yang lain, seperti PERMATA Pintar, Seni, Insan, dan Perkasa Remaja, terus memberi manfaat kepada lebih daripada 1,000 pelajar. Satu lagi inisiatif di bawah Belanjawan 2011 ialah TASKA 1Malaysia yang telah dilancarkan pada 11 April 2011. Program ini bertujuan menyediakan perkhidmatan penjagaan bagi kanak-kanak dari keluarga berpendapatan rendah. Pada masa kini, terdapat 30 TASKA 1Malaysia termasuk satu di Sabah dan dua di Sarawak. Tambahan 10 taska lagi termasuk empat di Sarawak akan ditubuhkan pada akhir 2011. Satu lagi program yang dibiayai melalui Belanjawan 2011 ialah Tabika KEMAS yang menyediakan pendidikan awal bagi kanak-kanak dari kumpulan umur empat hingga enam tahun. Pada masa kini, lebih daripada 215,000 kanak-kanak menghadiri program prasekolah di seluruh negara.

Memantapkan Pendidikan Sekolah Rendah dan Menengah

Selaras dengan usaha Kerajaan untuk meningkatkan pencapaian pendidikan yang melibatkan semua lapisan masyarakat, peruntukan RM250 juta telah disediakan untuk tujuan pembangunan.

Peruntukan ini telah memberi manfaat kepada 30 sekolah bantuan modal agama, 228 sekolah jenis kebangsaan Cina (SJK(C)), 59 sekolah jenis kebangsaan Tamil (SJK(T)), 135 sekolah bantuan modal mubaligh dan 580 sekolah bantuan Kerajaan. Pada masa yang sama, 18 sekolah rendah dan 140 sekolah menengah agama rakyat juga mendapat manfaat daripada peruntukan RM95 juta dalam Belanjawan 2011. Pelbagai usaha juga telah dilaksana untuk meningkatkan kemahiran asas literasi dan numerasi melalui pelbagai program, termasuk Program Saringan Literasi dan Numerasi (LINUS) serta Program Pemulihan 3M (PROTIM) yang memberi tumpuan kepada pelajar yang mengalami kesukaran dalam menguasai kemahiran asas dari segi membaca, menulis dan mengira. Sementara itu, 325 guru Bahasa Inggeris warga asing telah dilantik untuk meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar. Kerajaan juga telah memperkenalkan Penilaian Berasaskan Sekolah (PBS) untuk pelajar Tahun 1 pada Januari 2011. Program PBS ini akan menilai setiap pelajar secara menyeluruh dengan mengambil kira prestasi dalam bidang akademik dan bukan akademik serta memberi tumpuan kepada keberhasilan pembelajarannya. Sehubungan dengan ini, mulai 2016, Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) akan mempunyai 60% penilaian melalui peperiksaan berpusat dan bakinya 40% berasaskan PBS. Untuk tujuan ini, Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) juga diselaraskan bagi merangkumi bidang kreativiti, inovasi dan keusahawanan serta ICT. Untuk terus menambah baik penyampaian profesion perguruan, 1,343 guru telah dianugerahkan biasiswa untuk melanjutkan pengajian mereka.

Memperkasa Pengajian Tinggi

Pada masa ini, di Malaysia terdapat 20 universiti awam, 26 universiti swasta, 22 kolej universiti swasta dan lima kampus cawangan universiti luar negara yang menyediakan peluang pendidikan tinggi kepada lebih daripada 740,000 pelajar, termasuk 60,098 pelajar asing. Untuk menambah baik kualiti pengajaran dan penyelidikan di universiti awam, Kerajaan berhasrat untuk meningkatkan

bilangan pensyarah berkelayakan Doktor Falsafah (Ph.D) kepada 75% di universiti penyelidikan dan 60% di universiti bukan penyelidikan. Belanjawan 2011 telah memperuntukkan RM20 juta kepada pensyarah yang berminat melanjutkan pengajian ke peringkat Ph.D. Sejumlah 251 pensyarah di lima universiti penyelidikan dan 491 pensyarah di universiti bukan penyelidikan telah mengikuti program Ph.D. Pada masa kini, 92.2% pensyarah universiti awam mempunyai ijazah pasca siswazah, termasuk 36.4% dengan Ph.D. Berikutan pelaksanaan beberapa langkah bagi meningkatkan kualiti pengajaran serta penyelidikan di universiti awam, kadar kebolehpasaran siswazah dari universiti awam meningkat kepada 78.7% pada 2011 berbanding 76.2% pada 2009.

Mempergiat Program Latihan dan Kemahiran

Bagi menyokong transformasi ekonomi negara, tenaga buruh perlu dilengkapi dengan tahap kompetensi yang tinggi dan kemahiran baharu untuk mendapat faedah daripada pelbagai peluang pekerjaan yang disediakan. Dalam hal ini, Kerajaan memperuntukkan RM330 juta untuk pelbagai program latihan siswazah. Daripada peruntukan ini, 18% telah disediakan kepada Pusat Latihan Kemahiran Negeri. Sejumlah 101 program dalam pelbagai bidang, termasuk robotik dan automasi, pemeriksaan kimpalan dan teknologi pembangunan kandungan kreatif telah dijalankan dengan lebih daripada 2,400 siswazah kejuruteraan telah mendapat manfaat daripada program ini. Sejumlah 66.7% lagi telah diperuntukkan untuk meningkatkan kecekapan dan kebolehpasaran siswazah bukan kejuruteraan. Untuk ini, beberapa program telah dijalankan, termasuk Program Pentauliahan Profesional, Pembangunan Sukan, Pembangunan Keusahawanan dan Skim Pengurusan Kebolehpasaran Siswazah (GEMS) yang berjaya memberi manfaat kepada 339,223 siswazah. Peruntukan selebihnya telah disalurkan kepada Multimedia Development Corporation (MDeC) untuk melatih siswazah dalam bidang ICT. Sehingga ini, 9,082 siswazah ICT telah mengambil bahagian dalam tujuh program yang dianjurkan oleh MDeC.

Peruntukan tambahan RM269.4 juta telah diagihkan bagi tujuan meningkatkan produktiviti dan kemahiran golongan bukan siswazah. Sebanyak 166 program telah dijalankan oleh Institut Latihan Belia Negara dan Jabatan Tenaga Kerja, dengan 27,077 peserta telah disediakan dengan pelbagai latihan kemahiran, termasuk jurusan teknologi penerbangan dan teknologi instrumen serta bidang berkaitan multimedia, animasi dan teknologi percetakan.

Program Latihan 1Malaysia

Berdasarkan profil tenaga buruh negara, dianggarkan 62% berumur di bawah 40 tahun dan daripada bilangan tersebut, lebih kurang 72% sahaja menerima pendidikan sehingga Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Senario ini menunjukkan terdapat keperluan untuk melengkapi tenaga buruh dengan peningkatan kemahiran dan pemantapan kemahiran. Langkah ini membolehkan mereka terus menyumbang dengan sepenuh tenaga kepada pembangunan negara, sekali gus meraih manfaat daripada kemajuan ekonomi negara. Untuk tujuan ini, Program Latihan 1Malaysia yang diperkenalkan dalam Belanjawan 2011, mensasarkan untuk menyediakan tenaga kerja kompeten, terlatih dan berkemahiran. Sebanyak RM200 juta diperuntukkan kepada 217 Pusat GIATMARA, 72 Kolej Komuniti, 28 Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia dan 20 Institut Kemahiran Belia Negara. Sejumlah 1,093 kursus, termasuk kelas pelbagai bahasa seperti Arab, Melayu, Inggeris, Mandarin dan Tamil serta kelas muzik, telah diadakan di seluruh negara. Kursus-kursus ini telah memberi manfaat kepada 9,688 peserta. Pada masa yang sama, lebih daripada 150,000 peserta telah mendapat manfaat daripada kira-kira 8,940 kursus kemahiran dan teknikal yang telah dijalankan, termasuk kelas bakeri, menjahit, spa, mekanik, elektrik dan kimpalan.

Di samping itu, RM200 juta lagi disediakan sebagai dana kepada syarikat untuk membiayai program latihan khusus bagi melatih pekerja mereka. Sehingga kini, 285,065 pekerja daripada 9,624 syarikat telah dilatih di bawah program

seumpama ini. Sejumlah RM30 juta lagi akan digunakan untuk menyediakan kemudahan pinjaman kepada pekerja bagi menghadiri kursus dalam pelbagai bidang teknikal. Dalam hal ini, seramai 4,024 pekerja sedang mengikuti pelbagai kursus teknikal, termasuk di bidang automasi, pemeriksaan kimpalan dan teknologi pembangunan kandungan kreatif.

Meningkatkan Produktiviti Pekerja

Pada dasarnya, sesuatu ganjaran yang diterima oleh pekerja seharusnya setimpal dengan produktiviti yang dihasilkan. Untuk memastikan pekerja dibayar upah yang lebih berpatutan, pada 12 Julai 2011, Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 telah diluluskan oleh Parlimen. Penggubalan akta ini bertujuan untuk menubuhkan Majlis Perundingan Gaji Negara (NWCC) bagi menggantikan Akta Majlis Penetapan Gaji 1947. Akta ini antara lain digubal bagi membolehkan NWCC menasihati Kerajaan tentang semua perkara yang berhubung dengan gaji minimum serta mengesyorkan penetapan kadar dan liputan gaji minimum dalam negara.

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, Kerajaan turut melaksanakan beberapa langkah untuk meningkatkan kesejahteraan pekerja asing di negara ini. Dalam hal ini, pada 1 Januari 2011 Kerajaan telah memperkenalkan Skim Kemasukan Hospital dan Pembedahan sebagai perlindungan perubatan mandatori bagi semua pekerja asing baharu di negara ini. Tambahan pula, pada 13 Julai 2011, Kerajaan telah melancarkan inisiatif 6P dalam usaha untuk mendaftar dan memantau pekerja asing sah dan tidak sah di negara ini. Inisiatif 6P ini melibatkan program pendaftaran, pemutihan, pengampunan, pemantauan, penguatkuasaan dan pengusiran pekerja asing tidak sah. Seramai 1,016,908 pekerja asing sah dan 1,269,369 pekerja asing tidak sah telah didaftarkan di bawah program ini.

Memperluas Penglibatan Wanita

Kerajaan sentiasa berusaha mengadakan kemudahan penjagaan kesihatan ibu dan kanak-kanak, memberi perkhidmatan perancang keluarga

serta menyediakan peluang pendidikan bagi membolehkan wanita turut sama terlibat dan menyumbang dengan aktifnya dalam pembangunan sosioekonomi negara. Setakat ini, Kerajaan telah berjaya melatih 2,680 usahawan wanita di seluruh negara dan berhasrat untuk melatih 2,000 lagi menjelang akhir 2011. Selain daripada itu, bagi mengiktiraf peranan wanita dalam pembangunan sosioekonomi, dua wanita telah dianugerahkan Anugerah Perdana Usahawan 2011 dan Tokoh Aktivis Wanita 2011 pada 25 September 2011.

Kerajaan telah menambah baik kemudahan cuti bersalin bagi penjawat awam dengan memberikan fleksibiliti untuk menentukan sendiri tempoh cuti bersalin bergaji penuh selama 90 hari berbanding 60 hari sebelum ini. Walau bagaimanapun, kemudahan cuti ini tertakluk kepada tempoh maksimum 300 hari sepanjang tempoh perkhidmatan mereka. Langkah ini yang berkuat kuasa pada 15 Oktober 2010 akan dapat meningkatkan lagi kadar penyertaan tenaga buruh wanita dalam ekonomi. Selain daripada itu, Kerajaan terus memberi peluang kepada wanita yang berkecenderungan untuk memegang jawatan pengurusan tertinggi dalam perkhidmatan awam. Pada masa ini, sejumlah 31.5% jawatan penting dalam sektor awam telah diisi oleh wanita. Untuk meningkatkan lagi penyertaan wanita pada peringkat pembuat keputusan dalam sektor korporat, pada 27 Jun 2011, Kerajaan telah membuat satu keputusan dasar bagi menggalakkan sektor korporat meningkatkan bilangan wanita sekurang-kurangnya 30% dalam lembaga pengarah dan pengurusan tertinggi menjelang 2016.

Pembangunan Sukan Negara

Sukan merupakan kaedah yang berkesan untuk memupuk semangat patriotisme, membina ikatan setia kawan serta membangunkan keupayaan fizikal dan mental. Dalam konteks ini, Kerajaan telah memperuntukkan RM365 juta untuk pembangunan dan pengurusan aktiviti sukan di negara ini. Sebahagian daripada peruntukan ini juga akan digunakan untuk pembinaan 527 gelanggang futsal atau Gelanggang Futsal 1Malaysia (GF1M). Kini, terdapat 1,100 GF1M

di negara ini. Agihan dana juga dibuat bagi penyediaan kontinjen Malaysia bagi Sukan SEA ke-26 di Jakarta dan Palembang pada November 2011 serta penyertaan di Sukan Olimpik London pada Julai 2012. Kerajaan juga memperuntukkan tambahan RM20 juta bagi penubuhan Akademi Bola Sepak untuk melahirkan pemain bola sepak yang berkemahiran tinggi. Kerja-kerja pembinaan akademi bola sepak yang cangguh di Kuantan, Pahang bermula pada Ogos 2011 dan dijangka siap menjelang Mei 2012. Setelah dilaksanakan dengan sepenuhnya, akademi ini mempunyai keupayaan untuk melatih sebanyak 200 pelatih setiap tahun.

Mensejahterakan Hidup Rakyat

Semua dasar, strategi dan program yang dilaksanakan Kerajaan pada asasnya bertujuan meningkatkan kesejahteraan rakyat. Dalam hal ini, Kerajaan berusaha untuk menyediakan satu ekosistem yang kondusif untuk semua rakyat Malaysia dalam mengoptimumkan potensi sebenar mereka. Sehubungan dengan ini, Belanjawan 2011 turut memberi tumpuan kepada pelbagai langkah mensejahterakan hidup rakyat, termasuk membantu golongan kurang bernasib baik, meningkatkan pemilikan rumah, mengurangkan kos pengangkutan dan meningkatkan kesejahteraan Orang Asli dan Pribumi.

Membantu Golongan Kurang Bernasib Baik

Kerajaan telah memperuntukkan RM1.2 bilion untuk melaksanakan beberapa program kebajikan dan komuniti. Daripada jumlah ini, RM166.6 juta diperuntukkan untuk Program Bantuan Kebajikan Warga Emas. Program ini memberi manfaat kepada lebih daripada 140,000 individu. Sebanyak RM189.6 juta diperuntukkan kepada Program Bantuan Kanak-kanak yang memanfaatkan lebih daripada 101,000 kanak-kanak. Selain daripada itu, RM108.1 juta diperuntukkan bagi pelbagai program lain, termasuk elaun insentif untuk pekerja kurang upaya serta bantuan kewangan untuk pesakit terlantar di katil dan golongan

orang kurang upaya yang tidak boleh bekerja. Sebanyak 101,496 orang telah mendapat faedah melalui program ini. Kerajaan juga turut menubuhkan sebuah pusat intervensi untuk golongan gelandangan di Kuala Lumpur. Pusat ini yang mula beroperasi pada 9 April 2011, turut menyediakan kemudahan penginapan, kaunseling serta bantuan kebajikan kepada golongan gelandangan. Seramai 280 individu telah menerima manfaat daripada program ini.

Bagi meringankan bebanan isi rumah, pelepasan cukai sehingga RM5,000 yang sedia ada untuk perbelanjaan perubatan ibu bapa telah diperluaskan meliputi perbelanjaan lain seperti pusat jagaan harian, penjagaan ibu bapa dan keperluan harian lain. Untuk terus meringankan bebanan golongan orang kurang upaya, pengecualian duti eksais ke atas kenderaan nasional dinaikkan kepada 100% berbanding 50%. Langkah ini telah memanfaatkan 60 orang kurang upaya.

Meningkatkan Pemilikan Rumah

Di bawah Belanjawan 2011, RM544 juta diperuntukkan bagi membolehkan rakyat, terutamanya golongan miskin dan berpendapatan rendah, memiliki dan menyewa rumah mampu milik. Untuk tujuan ini, 13,130 unit kediaman di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) sedang dibina dan akan siap untuk diduduki menjelang 2014. Di samping itu, kerja pembinaan 950 unit kediaman baharu akan bermula dalam masa terdekat. Bagi Projek Perumahan Bandar 134 rumah akan dibina bagi menyediakan kediaman yang selamat dan selesa kepada golongan miskin dan mudah terjejas di kawasan bandar. Projek Bantuan Sewa Rumah pula merupakan sebuah projek yang memberi bantuan bayaran sewa rumah kepada golongan miskin di bandar. Projek ini telah memberi faedah kepada 2,650 individu. Rumah Mesra Rakyat merupakan satu lagi projek bagi menyediakan rumah kediaman yang selesa bagi golongan berpendapatan rendah termasuk nelayan, petani dan isi rumah miskin. Sejak tahun 2002, kira-kira 15,800 isi rumah telah mendapat manfaat daripada program ini.

Sementara itu, Kerajaan akan melancarkan Skim Pembiayaan Perumahan Kos Rendah, iaitu skim pembiayaan yang akan membolehkan pekerja ladang warganegara Malaysia memiliki rumah mampu milik.

Skim Rumah Pertamaku merupakan satu lagi inisiatif bagi membantu golongan muda yang baru bekerja mendapatkan 100% pembiayaan kewangan untuk tujuan pembelian rumah pertama mereka. Skim yang dilancarkan pada 8 Mac 2011 ini telah memberi manfaat kepada 173 golongan muda yang baru bekerja. Pengecualian duti setem sebanyak 50% ke atas surat cara pindah milik rumah yang berharga tidak melebihi RM350,000 juga disediakan untuk pembeli rumah kali pertama. Pengecualian duti ini akan turut membantu pembeli rumah yang terdiri daripada golongan berpendapatan sederhana.

Meningkatkan Taraf Hidup Penduduk Luar Bandar

Pembangunan luar bandar terus kekal menjadi agenda penting dalam perancangan pembangunan negara, memandangkan masih terdapat 37% penduduk yang tinggal di kawasan luar bandar. Sejumlah RM2.8 bilion telah diperuntukkan untuk pembangunan prasarana asas seperti bekalan air, elektrik dan jalan luar bandar. Bagi tujuan tersebut, RM723.6 juta dibelanjakan untuk membina dan menaik taraf beberapa jalan luar bandar, termasuk Jalan Bambang, Jalan Kayul-Rimbaan dan Jalan Waterworks di Sabah, Jalan Bangkit Rembai/Ijok/Suri, Jalan Nanga Mam dan Jalan Spaoh di Sarawak dan jalan dari Kampung Berdang ke Kampung Sungai Rual di Kelantan. Peruntukan juga disediakan untuk bekalan air dan elektrik kawasan luar bandar di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Sehingga kini, RM181.6 juta telah dibelanjakan di Sabah yang memberi manfaat kepada 14,740 isi rumah, manakala di Sarawak sebanyak RM254.8 juta dibelanjakan untuk memanfaatkan 48,300 isi rumah. Sejumlah RM165.4 juta dibelanjakan untuk bekalan air dan elektrik bagi kawasan luar bandar di Semenanjung Malaysia yang telah memberi faedah kepada lebih daripada 27,850

isi rumah. Program bantuan perumahan dengan peruntukan RM300 juta merupakan satu lagi inisiatif Kerajaan bertujuan menyediakan kediaman selesa kepada golongan miskin dan miskin tegar di kawasan luar bandar, terutamanya di Sabah dan Sarawak. Sehingga kini, 5,145 kediaman telah dibina atau diperbaiki.

Meringankan Beban Hidup Rakyat

Harga makanan yang semakin meningkat secara langsung telah memberi kesan kepada kehidupan rakyat, terutamanya golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Walaupun kenaikan harga tersebut disebabkan sebahagiannya oleh peningkatan permintaan, namun begitu faktor kekangan bekalan turut menyumbang kepada harga yang lebih tinggi. Bagi membantu petani mengurangkan kos pengeluaran, Belanjawan 2011 telah memperuntukkan RM974 juta untuk subsidi padi, baja dan benih padi. Sejumlah RM623.6 juta telah diagihkan kepada 411,958 petani di seluruh negara. Kerajaan juga telah memperuntukkan RM150 juta sebagai insentif pengeluaran dan juga bagi meningkatkan hasil padi. Sehingga kini, RM87.9 juta telah dibelanjakan untuk memanfaat lebih daripada 534,000 penanam padi di seluruh negara. Industri perikanan turut menerima faedah melalui peruntukan RM170.5 juta dalam bentuk elaun sara hidup nelayan, insentif hasil tangkapan serta tabung bencana alam dan kebajikan nelayan. Setakat ini, RM119.5 juta telah diagihkan kepada 65,942 nelayan.

Bagi penyeragaman harga barang keperluan di seluruh negara, Program Pengedaran Barang Perlu seperti beras, minyak masak, gula, tepung, gas, petrol dan diesel telah diperkenalkan pada 2010. Program ini diteruskan lagi sehingga tahun 2011 dengan peruntukan RM200 juta. Setakat ini, program tersebut telah dilaksanakan di 820 kawasan luar bandar dan pedalaman di Malaysia yang memberi manfaat kepada lebih 1.5 juta isi rumah. Pada masa yang sama, Kerajaan akan terus memberi rebat ke atas bayaran bil elektrik untuk penggunaan bulanan di bawah RM20. Program yang bernilai RM150 juta ini

telah memberi manfaat kepada lebih daripada 1,000,600 isi rumah golongan berpendapatan rendah.

Portal 1Malaysia Pengguna Bijak yang telah dilancarkan pada 7 Jun 2011 merupakan satu lagi inisiatif Kerajaan dalam membantu rakyat mengikuti perkembangan harga terkini barangan di 1,255 premis di seluruh negara. Sehingga kini, lebih daripada 24 juta pengguna telah melawat portal ini. Untuk membantu mengurangkan perbelanjaan runcit bulanan isi rumah yang tinggal di bandar, kedai jimat cermat yang pertama dikenali sebagai Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) telah dibuka di stesen LRT Kelana Jaya, Selangor pada 22 Jun 2011. Harga barangan di kedai ini lebih rendah 40% berbanding harga pasaran. Berikutan sambutan pengguna yang menggalakkan, tiga KR1M telah dibuka di Kuala Lumpur dan Putrajaya serta tambahan 25 KR1M lagi dijangka akan beroperasi di seluruh negara menjelang akhir 2011. Pada 7 Julai 2011, Kerajaan telah melancarkan program Menu Rakyat 1Malaysia untuk membantu mengurangkan perbelanjaan harian rakyat. Pada masa ini, 728 pengendali makanan di seluruh negara telah mengambil bahagian dengan menawarkan set sarapan pagi pada harga maksimum RM2, manakala sebanyak RM4 harga maksimum bagi set makan tengah hari.

Bagi memperkukuhkan sektor borong dan runcit serta untuk menaik taraf dan memodenkan kemudahannya, Kerajaan telah memperkenalkan program Transformasi Kedai Runcit (TUKAR), Pemodenan Bengkel Automotif (ATOM) dan Pasar Komuniti (PAKAR). TUKAR yang merupakan program memodenkan kedai runcit telah dilancarkan pada 19 Februari 2011 dengan peruntukan RM40 juta untuk 2011. Sehingga kini, 258 peruncit telah disediakan dengan pinjaman mudah untuk menaik taraf premis mereka. Menjelang akhir 2011, sebanyak 242 kedai akan mendapat kemudahan yang lebih baik. Begitu juga dengan ATOM yang telah dilancarkan pada 22 Februari 2011 dengan peruntukan RM30 juta. Pada masa ini, lima bengkel sedang dinaik taraf dan tambahan 24 bengkel lagi akan

dinaik taraf pada akhir 2011. Projek PAKAR telah dilancarkan pada 19 April 2011 dengan peruntukan RM50 juta. Projek ini bertujuan untuk menggabungkan peniaga bersaiz kecil daripada pelbagai format pasaran kepada bentuk pasaran komuniti bersaiz besar. Projek PAKAR yang pertama dijangka siap pada April 2012.

Selain daripada itu, Kerajaan terus melaksanakan Projek Penyelenggaraan Infrastruktur Awam (PIA) dan Projek Infrastruktur Asas (PIAS) dengan peruntukan RM500 juta. Sehingga kini, RM222.7 juta telah dibelanjakan untuk memperbaiki dan menaik taraf kemudahan awam, parit, perparitan, jambatan kecil dan pendawaian semula serta pembinaan jalan pertanian dan kampung. Sejumlah 7,295 kontraktor Kelas F telah dilantik bagi melaksanakan projek ini.

Menghargai Sumbangan Pemimpin Masyarakat

Pemimpin masyarakat mempunyai peranan penting dalam merapatkan jurang maklumat dalam dan antara kalangan masyarakat serta sebagai penyebar maklumat kepada rakyat. Bagi menghargai dan mengiktiraf sumbangan mereka, elaun bulanan Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan Persekutuan (JKKP), Tok Batin, Pengerusi JKKK Orang Asli dan Pengerusi Kampung Baru telah dinaikkan daripada RM450 kepada RM800. Elaun ini juga diperluaskan kepada Ketua Kampung Baharu Rangkaian dan Ketua Kampung Bagan. Sejumlah 15,619 pemimpin masyarakat telah mendapat manfaat daripada langkah ini. Pada masa yang sama, elaun kehadiran mesyuarat bagi 174,300 ahli jawatankuasa ditingkatkan daripada RM30 kepada RM50. Imam dan guru KAFA juga memainkan peranan penting dalam pembangunan masyarakat. Mulai Januari 2011, elaun bulanan imam telah dinaikkan daripada RM450 kepada RM750, manakala elaun bulanan guru KAFA turut ditingkatkan daripada RM500 kepada RM800. Peningkatan ini telah memberi manfaat kepada 13,077 imam dan 31,349 guru KAFA.

Kesejahteraan Orang Asli dan Pribumi

Selaras dengan dasar pertumbuhan ekonomi Kerajaan yang inklusif dan mampan, RM106.1 juta telah diperuntukkan untuk melaksanakan pelbagai program bagi meningkatkan kesejahteraan Orang Asli dan Pribumi. Untuk tujuan ini, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli telah diberi nafas baharu dengan dikenali sebagai Jabatan Kemajuan Orang Asli mulai 14 Januari 2011. Jabatan ini juga telah distruktur semula dan diperkukuhkan dengan misi, visi dan objektif yang baharu. Pendekatan baharu untuk meningkatkan kesejahteraan Orang Asli juga akan diperkenalkan. Langkah-langkah lain termasuk pembekalan makanan kepada golongan miskin serta insentif kewangan kepada kanak-kanak yang bersekolah. Bantuan pertanian juga diberi kepada isi rumah yang terlibat dalam aktiviti pertanian. Daripada jumlah yang diperuntukkan, RM60 juta telah dibelanjakan untuk aktiviti tersebut yang memanfaatkan 36,658 isi rumah.

Mengurangkan Kos Pengangkutan

Bagi meringankan lagi bebanan rakyat, terutamanya pengguna lebuhraya, Kerajaan telah membuat komitmen untuk membekukan kenaikan kadar tol selama lima tahun. Langkah ini berkuat kuasa mulai 15 Oktober 2010 yang melibatkan empat lebuhraya, iaitu Lebuhraya Butterworth-Kulim (BKE), Lebuhraya Laluan Kedua Malaysia-Singapura (LINKEDUA), Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) dan Lebuhraya Utara Selatan Hubungan Tengah (ELITE). Lebuhraya ini dimiliki dan diuruskan oleh PLUS Expressway Berhad. Di samping itu, 22 syarikat konsesi di 24 lebuhraya turut memberi diskaun tol dan rebat antara 5% hingga 37.5% semasa sambutan Hari Raya dan Hari Merdeka. Sementara itu, kutipan tol di Plaza Tol Cheras telah dihentikan mulai 16 Mei 2011.

Memperluas Perkhidmatan Kesihatan Awam

Kesejahteraan rakyat berkait rapat dengan kemudahan akses penjagaan kesihatan yang berkualiti. Bagi meningkatkan lagi penyampaian

perkhidmatan penjagaan kesihatan awam, Belanjawan 2011 telah memperuntukkan RM15.2 bilion untuk membina dan menaik taraf hospital, menambah bilangan doktor dan jururawat serta bekalan ubatan dan peralatan. Pembinaan dua hospital di Johor telah siap pada Ogos 2011 dan 11 hospital lagi dijangka dilaksanakan sepenuhnya di seluruh negara menjelang 2016. Sementara itu, 80 Klinik 1Malaysia termasuk 27 yang telah beroperasi pada 2011 turut menyediakan perkhidmatan kesihatan kepada lebih 2.3 juta pesakit di negara ini. Selaras dengan usaha Kerajaan meningkatkan perkhidmatan penjagaan kesihatan, bilangan penduduk setiap doktor telah bertambah baik kepada 820 pada Jun 2011 berbanding dengan 886 pada Disember 2010.

Membanteras Jenayah dan Menjamin Keselamatan

Pendekatan menyeluruh dalam pencegahan jenayah akan meningkatkan rasa selamat rakyat dan seterusnya membolehkan Malaysia kekal dalam kalangan negara yang selamat untuk dikunjungi pelancong dan menjalankan aktiviti perniagaan. Dengan mengambil kira kepentingan ini, NKRA Jenayah telah diberi keutamaan sebagai satu daripada tujuh inisiatif di bawah NKRA. Untuk tujuan ini, Belanjawan 2011 telah memperuntukkan RM350 juta bagi melaksanakan beberapa program membanteras jenayah. Program ini termasuk Ops Lusuh (untuk mengelakkan kecurian kabel dan peralatan), Ops Rentap (untuk mencegah kecurian kereta) dan Program Bandar Selamat serta Skim Rondaan Sukarela di kawasan berisiko tinggi. Kerajaan juga telah memperkenalkan aplikasi mudah alih MyDistress di kawasan berisiko tinggi jenayah di Selangor untuk memendekkan masa yang diambil untuk bertindak balas ke atas sesuatu kejadian jenayah. Hasil daripada inisiatif ini, indeks jenayah jalanan telah menurun 41.6%, manakala indeks jenayah keseluruhan bagi 14 jenis jenayah juga berkurangan 9.6% dalam tempoh enam bulan pertama 2011. Di samping itu, untuk mempercepatkan pendakwaan dan mengurangkan kes tertangguh, lima mahkamah khas tambahan, termasuk dua

di Sabah dan satu di Sarawak telah ditubuhkan pada 2011. Berikutan dengan langkah ini, bilangan kes tertangguh telah dapat dikurangkan kepada 126,578 berbanding 165,283 pada akhir 2010.

Memperkasa Peranan Badan Bukan Kerajaan

Masyarakat awam turut memainkan peranan penting dalam menangani masalah sosial di negara ini. Untuk meningkatkan usaha ini, Kerajaan telah memperuntukkan RM20 juta bagi melaksanakan aktiviti yang melibatkan Badan Bukan Kerajaan (NGO) dalam membantu Kerajaan mengukuhkan institusi keluarga dan menangani gejala sosial seperti kehamilan di luar nikah, pembuangan bayi, kes salah laku juvenil, penyalahgunaan dadah, mat rempit dan gangsterism. Dalam perkara ini, Kerajaan bersama-sama NGO telah memperkenalkan program Keselamatan Keluarga Tanggungjawab Kita (SEKATA) bertujuan melengkapkan golongan ibu bapa dengan kemahiran keibubapaan, manakala golongan remaja dan belia diberi pendidikan kesihatan reproduktif dan sosial. Program ini telah disasarkan di kawasan jenayah berisiko tinggi di Pulau Pinang, Kuala Lumpur, Selangor dan Johor Bahru. Sehingga kini, RM10 juta telah diagihkan kepada 118 NGO untuk melaksanakan program SEKATA dan inisiatif ini dijangka memberi manfaat kepada lebih daripada 200,000 keluarga.

Pemuliharaan Alam Sekitar

Isu alam sekitar kekal sebagai teras perancangan pembangunan negara. Dalam Belanjawan 2011, RM1.9 bilion telah diperuntukkan untuk membiayai beberapa projek pemuliharaan alam sekitar, termasuk melaksanakan program Sungai Nadi Kehidupan dan Menghijaukan Greater KL/Lembah Klang. Program Sungai Nadi Kehidupan terdiri daripada tiga komponen, iaitu pembersihan, pengindahan dan pembangunan sungai bertujuan untuk mengubah Sungai Klang menjadi sebuah tepian air (*waterfront*) yang segar dan penuh dengan pelbagai aktiviti kehidupan serta mempunyai nilai ekonomi yang

tinggi. Komponen projek pembersihan sungai ini telah dilancarkan pada 1 Julai 2011, manakala reka bentuk terperinci bagi fasa satu untuk mengindahkan sungai sedang dibangunkan. Projek Menghijaukan Greater KL/Lembah Klang dengan matlamat untuk menyediakan 14 meter persegi ruang hijau bagi setiap warganegara menjelang 2020 telah dilancarkan pada 16 April 2011. Projek bagi tempoh 10 tahun ini melibatkan penanaman 100,000 pokok di Greater KL/Lembah Klang. Sehingga kini, 26,907 pokok teduh telah ditanam di Kuala Lumpur. Kerajaan juga sedang berusaha untuk memulihara sumber marin dan persisiran di Pantai Pelancongan Rompin di Pahang, Pantai Sabak di Kelantan, Pantai Siring di Melaka dan Pantai Tok Jembal di Terengganu. Bagi tujuan ini, RM1.8 juta telah dibelanjakan untuk projek pencegahan hakisan dan pemulihan pantai.

Sementara itu, Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 telah dikuatkuasakan mulai 1 September 2011. Akta ini akan menambah baik pengurusan sisa pepejal dan aktiviti pembersihan awam menjadi industri yang bersepadu dan efisien. Selain itu, Akta ini akan dikuatkuasa melalui penswastan perkhidmatan sisa pepejal dan pembersihan awam bagi seluruh Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan, termasuk Putrajaya dan Labuan. Amalan kitar semula sisa buangan isi rumah akan dilaksanakan sepenuhnya pada September 2013.

Tanggungjawab Sosial Korporat

Berikutan penglibatan aktif syarikat domestik dalam aktiviti tanggungjawab sosial korporat (CSR), Malaysia berjaya mencapai kedudukan ke-3 dari 10 negara dalam Asean Sustainability Rating pada 2010. GLC terutamanya, telah memainkan peranan penting dalam aktiviti CSR. Selaras dengan ini, Khazanah sedang menguruskan 10 Sekolah Amanah di Johor dan Sarawak. Sekolah awam yang mempunyai bilangan enrolmen 7,579 pelajar ini mempunyai sasaran untuk merapatkan jurang pencapaian dengan sekolah berprestasi tinggi. Selain daripada itu,

1MDB juga menyediakan geran akademik bernilai RM2.3 juta kepada 50 pelajar cemerlang United Examination Certificate (UEC) untuk membolehkan mereka melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi di dalam dan luar negara. Beberapa GLC, termasuk Malayan Banking Berhad, Malaysia Airports Holdings Berhad, PETRONAS, Telekom Malaysia Berhad dan Tenaga Nasional Berhad, juga terlibat dalam program Skim Latihan 1Malaysia (SL1M). Program CSR ini bertujuan meningkatkan kebolehpasaran siswazah yang menganggur dan memanfaatkan kira-kira 3,000 individu. Manakala, FELDA memperuntukkan RM90 juta untuk tujuan pendidikan dan latihan setiap tahun. Kini, seramai 370 pelajar melanjutkan pelajaran dalam pelbagai kursus profesional di dalam dan luar negara. 1MDB juga memperuntukkan RM20 juta Dana Belia 1Malaysia yang bertujuan memupuk semangat muhibah di kalangan rakyat Malaysia. Sehingga kini, RM3 juta telah diagihkan kepada 80 individu untuk melaksanakan projek kemasyarakatan dan perpaduan. Di samping itu, 1MDB telah mendermakan sebuah bot dan empat bas untuk pelaksanaan Klinik Bergerak 1Malaysia (KB1M) di kawasan pedalaman Pahang, Perak, Selangor dan Sungai Baram di Sarawak. Sejumlah 12,890 pesakit telah mendapat manfaat daripada klinik ini.

Memantapkan Penyampaian Perkhidmatan Awam

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, Kerajaan telah memperkenalkan beberapa langkah meningkatkan hasil kerja dan kualiti perkhidmatan awam. Antara perkhidmatan yang memberikan hasil amat baik daripada usaha ini, termasuk myGovernment dan portal e-KL, pengisian borang cukai secara e-Filing, pengeluaran passport selama satu jam, pusat sehenti bagi pendaftaran syarikat dan program penempatan silang antara agensi Kerajaan dan GLC. Dengan mengambil kira kejayaan program-program ini, Kerajaan akan terus melaksanakan beberapa langkah baharu untuk mempermudah pencapaian keberhasilan GTP dan ETP.

Mempermudah Berurusan Dengan Agensi Kerajaan

Bagi memudahkan sektor swasta berurusan dengan agensi Kerajaan, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) telah memperkenalkan Nombor Identiti Korporat Malaysia (MyCoID) pada Ogos 2009. Nombor pengenalan umum yang dikeluarkan oleh SSM ini boleh digunakan di lima agensi yang menyertai program berkenaan, iaitu KWSP, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Tabung Pembangunan Sumber Manusia (HRDF), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp Malaysia). Pembangunan sistem gerbang laluan (*gateway*) MyCoID membolehkan perkongsian maklumat dan orang ramai boleh membuat pendaftaran secara serentak dengan SSM serta lima agensi lain yang terlibat. Di samping itu, SSM juga menyediakan dua perkhidmatan dalam talian, iaitu e-Info dan e-Lodgement. Kemudahan e-Info merupakan perkhidmatan dalam talian bagi memudahkan orang ramai mendapat profil syarikat dan maklumat perniagaan, manakala e-Lodgement disediakan untuk memudahkan serah simpan dokumen berkanun syarikat dengan SSM. Sehingga kini, lebih enam juta transaksi telah dilakukan melalui e-Info dan e-Lodgement.

Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH) terus mengambil beberapa inisiatif dalam enam bidang utama, iaitu sistem dan proses penyampaian perkhidmatan awam, pentadbiran berkaitan Kerajaan tempatan, hal-hal percukaian, lesen perniagaan serta isu berkaitan tanah dan imigresen telah dilancarkan pada 7 Februari 2007. Usaha PEMUDAH untuk menambah baik urusan perniagaan di Malaysia telah menunjukkan peningkatan kecekapan di beberapa agensi Kerajaan. Di bawah 1 Day Incorporation, syarikat kini boleh didaftar hanya dalam tempoh satu hari berbanding tiga hari sebelumnya. Selain daripada itu, masa yang diambil untuk pendaftaran harta juga telah berjaya dikurangkan dengan ketara kepada satu hari berbanding 41 hari sebelum ini. Melalui Pusat Sehenti di pihak berkuasa

tempatan, kelulusan bagi projek pembangunan kini telah dipercepat kepada 47 hari. Dalam usaha untuk mempermudah dan menambah baik kelulusan dan lesen perniagaan, Business Licensing Electronic Support System (BLESS), satu pusat tempatan untuk tempoh permohonan dan kelulusan lesen telah dilancarkan pada 5 September 2008. Sehubungan dengan itu, 102 lesen, kelulusan dan permit telah disenaraikan di bawah Fasa 1 BLESS. Tempoh masa bagi kelulusan tarif juga telah dikurangkan kepada tiga bulan berbanding 10 hingga 20 bulan sebelum ini. Dengan usaha ini, Malaysia telah berjaya memperbaiki kedudukannya dalam Global Competitiveness Report yang kini di tangga ke-21 negara paling berdaya saing di dunia, peningkatan yang ketara berbanding kedudukan ke-26 pada 2006.

Menghargai Sumbangan Penjawat Awam

Bagi menghargai sumbangan penjawat awam dalam menjalankan tugas, Kerajaan telah memberi Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM1,000 kepada semua penjawat awam gred 54 dan ke bawah pada 2010. Bantuan tersebut bertujuan meringankan bebanan penjawat awam dalam menampung keperluan perbelanjaan persekolahan. Bagi meringankan lagi bebanan penjawat awam dan pesara Kerajaan, di samping membantu mereka dalam persediaan sambutan Hari Raya, Kerajaan telah memberi bonus setengah bulan gaji dengan bayaran minimum RM500 kepada penjawat awam pada 15 Ogos 2011. Bayaran khas RM500 juga dibuat kepada pesara Kerajaan. Kedua-dua pembayaran telah memberi manfaat kepada 1.27 juta penjawat awam dan 617,637 pesara Kerajaan. Di samping itu, perkhidmatan 1,944 Pegawai Khidmat Singkat (PKS) telah dilanjutkan untuk tempoh setahun lagi. Kerajaan turut menaikkan kadar Bantuan Mengurus Jenazah kepada RM3,000 berbanding RM1,000 sebelumnya dan bantuan ini juga telah dipanjangkan kepada pesara Kerajaan.

Selain kemudahan sedia ada, penambahbaikan juga dibuat bagi skim pinjaman perumahan penjawat awam. Sehubungan dengan itu, Kerajaan telah menaikkan kelayakan pinjaman harta tanah

kepada RM450,000 berbanding RM360,000 sebelum ini. Pinjaman tersebut turut dibenarkan untuk pembelian harta tanah daripada ibu bapa, adik-beradik dan anak. Bagi Kumpulan Sokongan II yang terdiri daripada pekerja am, pemandu kenderaan bermotor dan pengawal, jumlah pinjaman untuk kerja-kerja pengubahsuaian rumah kos rendah telah dinaikkan daripada RM10,000 kepada RM20,000. Seterusnya, pada 17 Ogos 2011, Kerajaan telah melancarkan Portal Pinjaman Perumahan Bersepadu, merupakan fasa pertama pelaksanaan Sistem Pinjaman Perumahan Bersepadu (SPPB). Portal ini membolehkan penjawat awam memohon kemudahan pinjaman perumahan secara dalam talian dan mendapat kelulusan secara bersyarat dengan serta-merta berbanding tempoh 14 hari melalui kaedah manual sebelum ini. SPPB merupakan sistem pengurusan pinjaman perumahan berkomputer yang menyeluruh dan dijangka beroperasi sepenuhnya menjelang 2013.

Pengurusan Ekonomi – 2012

Untuk Malaysia menjadi ekonomi yang maju dan berpendapatan tinggi, negara mesti berupaya untuk bersaing pada peringkat global dan serantau. Bagi mencapai tahap ini, usaha dalam menarik pelaburan, memacu produktiviti dan inovasi perlu digandakan. Sumber ekonomi juga perlu lebih tersasar kepada industri dengan faedah berbanding dan bidang pertumbuhan baharu serta untuk memenuhi keperluan isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana. Seterusnya, seiring dengan kemajuan negara, rakyat perlu berkeupayaan untuk meningkatkan potensi dan mendapat manfaat daripada pembangunan ekonomi. Di samping cabaran ini, terdapat beberapa isu lain berkaitan yang harus ditangani.

Isu dan Cabaran

Persekitaran Luar

Keadaan ekonomi global kekal mencabar, walaupun ketidaktentuan meningkat kesan daripada pemulihan yang perlahan di kalangan ekonomi maju. Beberapa negara masih bergelut

dengan masalah pengangguran yang tinggi, reformasi sektor kewangan yang perlahan serta defisit fizikal dan hutang yang tinggi. Selain daripada itu, harga komoditi global yang tinggi telah menyebabkan tekanan inflasi di kebanyakan negara. Dengan perkembangan ini, pertumbuhan global, perdagangan dan pelaburan diunjur kekal lemah pada 2012. Tanpa langkah-langkah proaktif yang diambil oleh Kerajaan, ekonomi Malaysia dan kesejahteraan rakyat mungkin terjejas ekoran daripada sektor luar yang tidak menentu.

Inflasi

Kadar inflasi di Malaysia merupakan antara yang terendah di dunia. Walau bagaimanapun, negara kini berhadapan dengan trend kenaikan ke atas tingkat harga umum yang melebihi paras purata 2.5% sejak Februari 2011 dan terus meningkat pada kadar 3.3% pada Ogos 2011. Trend peningkatan ini didorong terutamanya oleh harga yang lebih tinggi dalam kumpulan makanan dan minuman bukan alkohol, pengangkutan, serta perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain. Bagi meringankan bebanan kos sara hidup yang semakin meningkat, beberapa langkah telah diperkenalkan oleh Kerajaan. Pada Julai 2011, kos sara hidup telah dimasukkan sebagai satu lagi NKRA. Dalam pada itu, inflasi domestik semakin dipengaruhi oleh faktor luaran, termasuk kekangan bekalan. Dengan keadaan sedemikian, usaha mengekalkan persekitaran kadar inflasi yang rendah di dalam negeri kini lebih mencabar berbanding sebelumnya, sekali gus menuntut langkah-langkah yang inovatif.

Kesejahteraan Rakyat

Kerajaan sentiasa memberi perhatian dan sedar bahawa pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara perlu membawa manfaat kepada segenap lapisan masyarakat. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, beberapa program pembasmian kemiskinan telah dilaksanakan dengan kemiskinan tegar secara umumnya telah berjaya diatasi. Dengan pencapaian tersebut, kini cabaran yang perlu dihadapi ialah usaha meningkatkan

kesejahteraan golongan isi rumah 40% terendah yang berpendapatan bulanan kurang daripada RM2,300. Dianggarkan 52.3% ketua isi rumah golongan berkenaan tidak mempunyai sijil persekolahan.

Pada masa ini, rumah kos rendah untuk golongan isi rumah 40% terendah disediakan oleh Kerajaan dan sektor swasta menerusi pelbagai skim. Walau bagaimanapun, bilangan penawaran rumah kos sederhana mampu milik sedia ada belum mencukupi untuk menampung permintaan yang semakin meningkat dalam kalangan golongan isi rumah 40% pertengahan. Keadaan ini telah mengakibatkan harga rumah lebih tinggi di pasaran. Pendapatan bulanan golongan ini adalah antara RM2,300 hingga RM5,599.

Pada masa yang sama, kesan daripada perubahan iklim, khususnya banjir, tanah runtuh dan jerebu semakin kerap berlaku di Malaysia. Keadaan ini seterusnya mengakibatkan kehilangan nyawa, kerugian aset, hasil dan produktiviti serta menambahkan pendedahan risiko kesihatan kepada rakyat.

Sejak tahun 1990-an, Kerajaan telah melaksanakan program pelaburan yang besar untuk pembangunan infrastruktur pengangkutan awam. Walau bagaimanapun, seperti bandar-bandar lain di seluruh dunia, bandar-bandar di Malaysia juga terus menerima tekanan berikutan pengembangan ekonomi dan pertambahan penduduk. Penyelarasan usaha-usaha yang bersepadu dalam memperbaiki sistem pengangkutan awam akan memberi kesan positif terhadap kehidupan seharian penduduk bandar.

Negara telah mencapai kemajuan yang ketara dalam menyediakan infrastruktur asas luar bandar. Dalam tempoh Januari 2010 hingga Julai 2011, tambahan 1,298.7 kilometer jalan luar bandar telah dibina atau dinaik taraf di seluruh negara. Dalam tempoh yang sama, 49,908 tambahan rumah telah dibekalkan dengan air bersih, manakala 33,809 rumah pula telah mendapat bekalan elektrik 24-jam. Kini, 89.7% penduduk luar bandar telah mempunyai akses kepada bekalan air paip, dan 93.7% dari segi bekalan elektrik.

Sementara itu, kadar kemiskinan di kawasan luar bandar telah berkurangan kepada 8.4%. Pencapaian yang amat bermakna ini dijadikan sandaran untuk Kerajaan melaksanakan program selanjutnya bagi meningkatkan kesejahteraan penduduk luar bandar.

Aktiviti Pelaburan

Pelbagai inisiatif telah diperkenalkan sejak beberapa tahun yang lalu bagi menambah baik iklim pelaburan, memartabatkan lagi peranan institusi utama dan menubuhkan Institut Integriti Malaysia. Walaupun pelbagai usaha telah dijalankan, aktiviti pelaburan masih berada di bawah paras optimum. Bagi merancakkan lagi aktiviti pelaburan dalam ekonomi, penambahbaikan dalam iklim pelaburan perlu dipertingkatkan. Tambahan pula, terdapat banyak peluang kepada sektor swasta bagi menjana ekonomi berskala lebih besar dan seterusnya meraih manfaat daripada perdagangan antarabangsa, seperti kebanyakan negara yang telah berjaya menyertai rantaian bekalan global. Oleh itu, entiti pengeluaran dan perkhidmatan Malaysia perlu melaksanakan amalan terbaik ini untuk bersaing di peringkat global.

Inovasi

Aspirasi Malaysia ke arah menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi juga bergantung kepada keupayaan pelbagai institusi untuk menghasilkan dan memperoleh produk dan proses yang inovatif serta mencipta dan mengamalkan kaedah pengurusan yang lebih berkesan. Bagi menggalakkan inovasi, Kerajaan telah memperuntukkan dana bagi aktiviti R&D serta menjalankan penyiasatan kajian inovasi kebangsaan sejak pertengahan 1990-an. Walaupun Kerajaan mampu menyediakan satu ekosistem inovasi yang kondusif, keupayaan seseorang yang memiliki nilai berfikir terbuka dan kritikal serta berani mengambil risiko dan mencuba sesuatu yang baharu juga sama penting bagi merancakkan lagi kegiatan inovasi. Sehubungan dengan itu, terdapat keperluan untuk melakukan perubahan minda rakyat, institusi dan sektor swasta supaya lebih komited untuk mencapai

kecemerlangan, di samping menyediakan lebih banyak ruang untuk pengembangan idea dan aktiviti berinovatif.

Modal Insan

Daripada jumlah tenaga buruh negara, dianggarkan 72% hanya memiliki kelayakan sehingga SPM dan kebanyakan pekerja yang baru memasuki pasaran buruh tidak mempunyai kemahiran yang diperlukan oleh industri. Selain daripada itu, kemahiran penguasaan bahasa dan perhubungan sosial yang lemah juga dikenal pasti sebagai penghalang kepada kemajuan ke arah penggunaan teknologi moden dan terkini serta persekitaran kerja berpasukan yang diperlukan dalam aktiviti bernilai tambah tinggi. Di samping itu, akta dan peraturan perburuhan akan ditambah baik lagi bagi mengurangkan kos pengendalian perniagaan di negara ini.

Penyampaian Perkhidmatan Awam

Seiring dengan kemajuan negara, ekspektasi daripada Kerajaan dalam menyediakan pelbagai perkhidmatan yang berkualiti juga semakin meningkat. Bagi menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan awam, isu-isu seperti pertindihan fungsi dan aktiviti serta kelemahan dalam pelaksanaan dasar perlu ditangani. Perkhidmatan awam yang keajaiban, fleksibel dan efisien diperlukan bagi menyokong proses transformasi ke arah negara maju berpendapatan tinggi. Di samping itu, harapan rakyat untuk turut sama terlibat dalam penggubalan, pelaksanaan dan penilaian dasar dan undang-undang kini semakin nyata berbanding sedekad yang lalu.

Inisiatif Strategik – Belanjawan 2012

Selaras dengan konsep 1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan, Kerajaan akan terus menitikberatkan kepentingan semasa rakyat, termasuk kesan daripada kelembapan sektor luar ke atas ekonomi serta memastikan program ETP, GTP dan RMKe-10 dilaksanakan

mengikut jadual. Sehubungan dengan itu, usaha Kerajaan pada 2012 akan memberi tumpuan kepada tujuh bidang teras, iaitu (i) mengurangkan kesan inflasi, (ii) meningkatkan kesejahteraan rakyat, (iii) mempercepat transformasi luar bandar, (iv) mencergaskan semula aktiviti pelaburan, (v) menginovasi Malaysia, (vi) membangunkan modal insan dan (vii) memantapkan kualiti penyampaian perkhidmatan awam. Selaras dengan sasaran ini, tema Belanjawan 2012 adalah “Belanjawan Transformasi: Membela Rakyat, Mensejahtera Negara”.

Mengurangkan Kesan Inflasi

Untuk menangani kesan peningkatan paras harga umum ke atas taraf hidup rakyat Malaysia, terutamanya golongan berpendapatan rendah dan sederhana, Kerajaan akan meneruskan dan merasionalisasikan program pemberian subsidi kepada kumpulan sasar. Pada masa yang sama, bantuan kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana akan disediakan untuk meningkatkan pendapatan boleh guna golongan tersebut. Dari segi penawaran, Kerajaan akan memperkenalkan beberapa langkah termasuk memperluas program KR1M dan Menu Rakyat 1Malaysia bagi menyediakan barangan dan makanan yang mampu dibeli oleh semua rakyat. Program jangka panjang juga akan dilancarkan untuk meningkatkan bekalan hasil pertanian dalam negara.

Meningkatkan Kesejahteraan Rakyat

Kerajaan akan terus memastikan bahawa keperluan asas rakyat boleh diperolehi pada harga yang berpatutan. Dalam hal ini, keutamaan akan diberikan kepada penyediaan rumah mampu milik yang berkualiti bagi golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Skim yang diterajui oleh sektor swasta ini layak menerima bantuan Kerajaan dalam bentuk penyediaan tanah dan dana mudah cara serta pewujudan laluan hijau bagi mempercepat proses kelulusan. Dalam usaha memastikan perjalanan yang lebih cepat, mudah dan lancar, Kerajaan akan terus memperbaiki sistem pengangkutan darat di negara ini. Bagi

membolehkan pengagihan yang lebih saksama dalam pelaburan, peluang pekerjaan dan kekayaan, Kerajaan akan memperuntukkan lebih banyak dana untuk pembangunan koridor pertumbuhan merentasi seluruh negeri dan wilayah di negara ini.

Mempercepat Transformasi Luar Bandar

Kerajaan berhasrat untuk mentransformasikan kawasan luar bandar di negara ini dengan menyediakan kemudahan dan infrastruktur yang moden serta merancakkan aktiviti ekonomi. Selain menyediakan kualiti hidup yang lebih baik kepada penduduk, inisiatif ini akan mengurangkan penghijrahan belia ke kawasan bandar serta meningkatkan lagi aktiviti nilai tambah ekonomi negara melalui kesan penggandaan. Agenda transformasi ini selaras dengan dasar pertumbuhan Kerajaan yang inklusif dan mampan, bertujuan membolehkan semua rakyat mendapat manfaat daripada pembangunan ekonomi.

Mencergaskan Semula Aktiviti Pelaburan

Untuk meningkatkan lagi aktiviti pembentukan modal dan pemindahan teknologi di negara ini, Kerajaan akan terus melaksanakan langkah dalam mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi aktiviti pelaburan. Dalam hal ini, usaha akan diambil untuk mempromosi Malaysia sebagai lokasi ideal bagi pelaburan berkualiti tinggi. Pada masa yang sama, Kerajaan akan memperhebat persaingan dalam ekonomi, justeru menyediakan pelbagai pilihan barangan dan perkhidmatan kepada pengguna. Kerajaan akan terus menggalakkan kolaborasi antara GLC dan sektor swasta melalui program PPP. Sementara itu, beberapa insentif akan diperkenalkan bagi menarik pelaburan ke negara ini.

Menginovasi Malaysia

Dalam usaha untuk menggalakkan inovasi dan kreativiti, Kerajaan akan terus membiayai program penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan (R&D&C) sedia ada. Di

samping itu, Kerajaan juga akan memberi lebih penekanan kepada perkara yang diperlukan untuk membudayakan inovasi sebagai cara hidup dalam setiap segmen masyarakat. Ke arah ini, program baharu akan diadakan untuk memupuk tingkah laku dan keperibadian yang positif dalam kalangan rakyat Malaysia, terutamanya generasi muda. Pelbagai langkah baharu juga akan diperkenalkan bagi memudahkan pengkomersialan produk dan perkhidmatan berinovasi.

Membangunkan Modal Insan

Pelbagai langkah tambahan akan diperkenalkan dalam Belanjawan 2012 bagi meningkatkan kemahiran penguasaan bahasa dan perhubungan sosial dengan menambah baik proses pengajaran dan pembelajaran dari peringkat prasekolah hingga ke universiti. Kerajaan akan melakukan penambahbaikan ke atas undang-undang buruh dengan tujuan mengurangkan kos berkaitan hal pengurusan tenaga kerja, di samping menitikberatkan perlindungan pekerja secara berkesan. Untuk memudahkan peningkatan kemahiran dan pemantapan kemahiran tenaga kerja, terutamanya bagi lepasan SPM untuk beralih kepada pekerjaan berpendapatan tinggi, peruntukan yang besar akan disediakan kepada agensi berkaitan untuk melaksanakan pelbagai program pembelajaran sepanjang hayat dan latihan di seluruh negara.

Memantapkan Kualiti Penyampaian Perkhidmatan Awam

Kerajaan akan memperkenalkan beberapa pembaharuan untuk mewujudkan perkhidmatan awam yang kejut dan fleksibel berasaskan pencapaian untuk memacu ekonomi baharu. Pelbagai program akan diperkenalkan bagi memupuk budaya pembelajaran berterusan dan pembangunan sendiri untuk membolehkan

kakitangan awam mempertingkatkan produktiviti dan kecekapan. Untuk menambah baik lagi sistem penyampaian perkhidmatan awam, Kerajaan akan memperkenalkan beberapa inisiatif berasaskan elektronik untuk memudahkan rakyat berinteraksi dengan Kerajaan dan turut sama terlibat dalam penggubalan dasar.

Prospek 2012

Dengan mengambil kira pelbagai strategi dan program yang dirancang di bawah Belanjawan 2012, ekonomi Malaysia dijangka mencatatkan pertumbuhan 5% hingga 6% pada 2012. Sehubungan dengan ini, pendapatan negara kasar (PNK) nominal per kapita akan mencatatkan pertumbuhan 7.4% daripada RM28,725 kepada RM30,856 atau daripada USD16,529 kepada USD17,445 mengikut pariti kuasa beli. Dari segi permintaan, pertumbuhan akan disokong oleh permintaan domestik, khususnya penggunaan swasta yang dijangka berkembang 7.1% dan perbelanjaan pelaburan sebanyak 15.9%. Selaras dengan peningkatan aktiviti pelaburan, jurang peratusan tabungan pelaburan dijangka berkurang kepada 10.4% daripada PNK (2011: 10.9%). Di sebalik peningkatan dalam permintaan, keadaan inflasi dijangka kekal terkawal berikutan pengembangan dari segi penawaran. Semua sektor ekonomi dijangka menyumbang kepada pertumbuhan dengan diterajui oleh sektor perkhidmatan dan pembuatan. Ekonomi akan terus beroperasi dalam guna tenaga penuh dengan kadar pengangguran di bawah 4%. Selaras dengan komitmen Kerajaan untuk meningkatkan pendapatan dan mengawal perbelanjaan secara berhemat, kedudukan defisit fiskal dijangka bertambah baik kepada 4.7% daripada KDNK. Secara keseluruhannya, perkembangan ini akan terus mengukuhkan asas ekonomi negara, sekaligus menyokong peralihan negara daripada ekonomi berpendapatan sederhana tinggi kepada status berpendapatan tinggi.

Pengemaskinian - Program Transformasi Kerajaan dan Program Transformasi Ekonomi

Transformasi melalui GTP dan ETP

Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) telah digubal bagi mendukung hala tuju Malaysia untuk mencapai status sebuah negara maju berpendapatan tinggi. Kedua-dua program ini dirangka berdasarkan prinsip 1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan yang menitikberatkan kepentingan rakyat. Matlamat GTP adalah untuk mentransformasikan Kerajaan dengan daya usahanya yang lebih efektif dalam melaksanakan penyampaian perkhidmatan awam. ETP pula bertujuan untuk merancakkan lagi aktiviti ekonomi dengan sektor swasta lebih berperanan sebagai peneraju utama pertumbuhan ekonomi negara.

Keberhasilan ETP dan GTP akan memastikan Malaysia menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi dengan kualiti kehidupan yang lebih baik menjelang 2020. Kedua-dua program ini melibatkan penyertaan segenap lapisan masyarakat di seluruh negara. Pelaksanaan pelbagai projek dan aktiviti akan memberi manfaat kepada semua penduduk bandar dan luar bandar. Bagi memastikannya dilaksanakan dengan berkesan, satu sistem pemantauan dan pelaporan yang menyeluruh telah diwujudkan. Sehubungan dengan ini, pelaksanaan inisiatif transformasi ini diterajui oleh Perdana Menteri serta dibantu oleh Timbalan Perdana Menteri, Jemaah Menteri dan Ketua Setiausaha Negara.

Pengenalan kepada GTP

Sejajar dengan Model Baru Ekonomi (NEM) dan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), GTP yang dilancarkan pada Januari 2010, merupakan usaha bersepadu ke arah mentransformasikan Malaysia sebagai sebuah negara yang progresif, harmoni dan berpendapatan tinggi. Di bawah pelaksanaan GTP, bidang yang telah dikenal pasti untuk diberi keutamaan dikenali sebagai Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dan Bidang Keberhasilan Utama Menteri. Terdapat enam NKRA, iaitu **Mengurangkan Jenayah; Membanteras Rasuah; Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar; Mempertingkatkan Taraf Hidup Isi Rumah Berpendapatan Rendah; Mempertingkatkan Infrastruktur Asas Luar Bandar dan Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar**. Pada 27 Julai 2011, satu lagi bidang iaitu **Menangani Kos Sara Hidup** telah diperkenalkan sebagai NKRA ketujuh yang akan melaksanakan inisiatif bagi menghadapi isu peningkatan kos sara hidup yang merupakan fenomena global. NKRA tersebut juga akan menjadi platform bagi Kerajaan menyediakan program yang lebih terperinci dan khusus bagi mengurangkan beban kewangan rakyat serta menangani masalah utama berkenaan makanan, perumahan, pengangkutan, pendidikan dan penjagaan kesihatan. Kesemua NKRA ini mengetengahkan senarai isu gabungan keutamaan jangka pendek dan jangka panjang yang memerlukan tindakan penyelesaian segera.

Pencapaian GTP

Dalam tempoh separuh pertama 2011, enam NKRA di bawah GTP telah menunjukkan pencapaian yang sangat memberangsangkan.

- **NKRA Jenayah** - Sebanyak 41.6% (tahun asas 2009) kes jenayah jalanan dan 9.6% (tahun asas 2010) indeks jenayah telah berjaya dikurangkan. Malaysia telah diletakkan pada kedudukan pertama dalam kalangan negara Asia Tenggara dari segi keamanan dan keselamatan oleh Global Peace Index 2011. Begitu juga dengan World Justice Project yang menyenaraikan negara pada kedudukan pertama dalam kalangan 19 negara berpendapatan sederhana.

- **NKRA Rasuah** – Ikrar Integriti Korporat telah digubal sebagai satu usaha sama antara Kerajaan, badan penguatkuasaan dan pengawalseliaan serta sektor swasta untuk menggalakkan syarikat memainkan peranan dalam membanteras gejala rasuah. Dari bulan April sehingga Ogos 2011, sebanyak 13 daripada 19 (68%) peneraju Projek Permulaan (EPP) telah menandatangani ikrar tersebut. Selain daripada itu, Kementerian Kewangan juga telah melaksana Pakatan Integriti (*Integrity Pact*) untuk semua perolehan tender. Pakatan tersebut, menghalang pembida daripada menawarkan, meminta atau menerima rasuah untuk mempengaruhi keputusan perolehan. Projek MY Rapid Transit (MRT) merupakan antara projek perintis yang melaksanakan Pakatan Integriti di mana Ketua Audit Negara merupakan sebahagian daripada sistem pemantauan bebas projek tersebut.
- **NKRA Pendidikan** – Dengan penumpuan usaha ke arah meningkatkan pencapaian pelajar, program ini telah membuahkan hasil dari sudut keputusan UPSR yang terbaik dalam tempoh empat tahun. Selain daripada itu, kadar numerasi telah meningkat kepada 97% dan kadar literasi kepada 95% di kalangan pelajar Tahun 2 selepas melalui saringan kedua pada tahun 2011 dalam Program Saringan Literasi dan Numerasi (LINUS). Sebanyak 32 sekolah lagi dikenal pasti sebagai Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) dan dijadikan tanda aras kepada sekolah lain untuk mengikut jejak mereka dan menjadi pendorong dalam mencapai kecemerlangan.
- **NKRA Infrastruktur Asas Luar Bandar** – Setakat akhir Julai 2011, banyak program telah dicapai. Antaranya, meliputi tambahan 1,298.7 kilometer jalan luar bandar yang dibina dan dinaik taraf di seluruh negara bagi memanfaatkan lebih 12,000 kampung dengan jaringan jalan yang lebih baik; tambahan 49,908 rumah dilengkapi dengan bekalan air bersih atau terawat; tambahan 33,809 rumah telah menikmati bekalan elektrik 24 jam; dan sejumlah 20,358 rumah golongan miskin luar bandar telah dibina atau dibaik pulih.
- **NKRA Isi Rumah Berpendapatan Rendah** – Pencapaiannya dapat dilihat dengan pengurangan 99.8% golongan miskin tegar pada akhir 2010. Pada 2011, pelbagai usaha telah diambil bagi membantu golongan ini keluar dari kepompong kemiskinan. Sehingga kini, 20,650 individu terlibat dalam program 1Azam sementara 430 usahawan wanita telah berjaya dilatih.
- **NKRA Pengangkutan Awam Di Bandar** – Usaha penambahbaikan perkhidmatan dilihat melalui pembukaan terminal pengangkutan bersepadu baharu di Bandar Tasik Selatan yang telah mengalihkan laluan 500 bas dari memasuki pusat bandar Kuala Lumpur. Terminal lama Puduraya juga telah dinaik taraf dan diberi nafas baharu sebagai Pudu Sentral. Selain daripada itu, pencapaian lain, termasuk lima perkhidmatan Bus Expressway Transit (BET) telah yang menyumbang kepada peningkatan 16.5% bilangan penumpang pada Jun 2011 berbanding Jun 2010. Begitu juga dengan operasi 30 kereta api empat-gerabak baharu di laluan LRT Kelana Jaya telah menambah bilangan penumpang perkhidmatan LRT sebanyak 15.8% bagi separuh pertama 2011 berbanding tempoh yang sama 2010.

Pengenalan kepada ETP

ETP merupakan agenda ekonomi Kerajaan yang digubal sebagai respon untuk menghadapi cabaran bagi mencapai status sebuah negara berpendapatan tinggi. Agenda ini mengambil kira aspek keterangkuman dan kemampunan. Penekanan terhadap aspek keterangkuman membolehkan setiap lapisan masyarakat menikmati hasil kemakmuran, sementara aspek kemampunan juga diberi penekanan untuk memastikan pelaksanaan NEM dapat memenuhi tuntutan semasa rakyat tanpa mengorbankan kepentingan generasi akan datang.

Dalam usaha mencapai matlamat negara berpendapatan tinggi menjelang 2020, ETP berhasrat meningkatkan pendapatan negara kasar (PNK) per kapita daripada USD6,700 atau RM23,700 pada 2009 kepada USD15,000 atau RM48,000 menjelang 2020. Ini bermakna, prestasi ekonomi negara perlu dipastikan mencapai pertumbuhan pada kadar 6% setahun. Menjelang 2020, ETP dijangka mewujudkan 3.3 juta peluang pekerjaan bagi keseluruhan spektrum kumpulan pendapatan dengan tumpuan kepada sektor pekerjaan berpendapatan sederhana dan tinggi. Untuk ini, sektor swasta perlu bertindak selaku peneraju utama dengan menyediakan kira-kira 92% daripada USD444 bilion pelaburan yang disasarkan. Sehubungan dengan itu, 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) telah dikenal pasti dan akan menerima sokongan polisi dan pelaburan. NKEA ini bertindak sebagai penggerak utama pertumbuhan ekonomi, khususnya dalam bidang di mana Malaysia mempunyai kelebihan untuk bersaing pada peringkat global.

12 NKEA yang terpilih ialah: **Minyak, Gas dan Tenaga; Minyak Sawit; Perkhidmatan Kewangan; Pelancongan; Perkhidmatan Perniagaan; Elektrik dan Elektronik; Pemborongan dan Peruncitan; Pendidikan; Penjagaan Kesihatan; Kandungan dan Infrastruktur Komunikasi; Pertanian; dan Greater Kuala Lumpur / Lembah Klang.** Setiap NKEA ini diterajui oleh Menteri yang bertanggungjawab sepenuhnya bagi memastikan kejayaan pelaksanaannya. Di samping itu, Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) bertindak sebagai pemudah cara kepada sektor swasta, termasuk dalam usaha menangani sekatan dan halangan serta mempercepat kelulusan bagi memastikan pelaksanaan inisiatif berjalan lancar.

NKEA lebih tertumpu kepada penyampaian keberhasilan melalui 131 EPP dan 60 Peluang Perniagaan. EPP merupakan inisiatif pemangkin yang akan menyemarakkan aktiviti pelaburan dalam pelbagai sektor yang berkaitan, manakala Peluang Perniagaan mengambil kira potensi sektor untuk berkembang dengan ciri struktur yang organik. Di samping itu, Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI) telah diperkenalkan semasa pelancaran Laporan Pengemaskinian ETP pada 5 Julai 2011. SRI menyediakan perubahan dasar yang menyeluruh (*cross-cutting*) untuk memastikan bahawa tumpuan NKEA dilengkapi dengan daya saing yang membolehkan Malaysia meneroka pasaran global. Daripada 51 langkah dasar yang disyorkan dalam Bahagian Akhir dokumen NEM, sebanyak 37 daripadanya telah dikumpulkan mengikut enam kelompok SRI: **Standard Antarabangsa dan Liberalisasi; Peranan Kerajaan dalam Perniagaan; Pembangunan Modal Insan; Penyampaian Perkhidmatan Awam; Merapatkan Jurang Ketaksamaan (Perusahaan Kecil dan Sederhana Bumiputera) dan Kewangan Awam.** Sejumlah 14 langkah dasar yang selebihnya telah diserap ke dalam NKEA dan NKRA.

Pencapaian ETP

Sejak pelancaran ETP pada 25 Oktober 2010, banyak kemajuan yang menggalakkan telah dicapai oleh kesemua 12 NKEA. Sehubungan dengan ini, Kerajaan telah mengumumkan projek baharu di bawah ETP semasa pembentangan tujuh laporan kemajuan berkenaan.

Sehingga kini, 70 EPP telah diumumkan. Semua projek ini telah mendapat komitmen pelaburan melebihi RM171 bilion daripada pelbagai syarikat tempatan dan multinasional. Pelaburan tersebut akan memberi impak PNK melebihi RM228 bilion dan mampu mewujudkan 372,361 peluang pekerjaan menjelang 2020. Sehingga kini, ETP telah mencapai pelaburan asas dengan nilai RM50.6 bilion dijangka dilabur oleh syarikat Malaysia pada 2011.

Kesimpulan

Pencapaian awal GTP dan ETP adalah meyakinkan. GTP telah berjaya mencapai 121% sasaran dalam tahun pertama pelaksanaannya dengan jumlah perbelanjaan yang lebih rendah berbanding peruntukan yang disediakan. Pelaksanaan GTP juga secara langsung dan tidak langsung turut membantu memperbaiki kehidupan masyarakat melalui keazaman dan komitmen pelbagai Kementerian dan seluruh jentera kerajaan dengan gandingan sektor swasta dan kerjasama erat rakyat.

ETP telah berjaya memperoleh lebih daripada RM171 bilion pelaburan komited dalam tempoh sepuluh bulan pelancarannya. Di samping itu, terdapat kecenderungan syarikat multinasional untuk melabur semula dalam pasaran Malaysia. Inisiatif transformasi ini telah menerima reaksi positif daripada para pelabur. Indeks Wajaran Malaysia dalam Morgan Stanley Capital International Asia Pacific (selain Jepun) yang meningkat daripada 2.9% kepada 3.19% akan memartabatkan kedudukan Malaysia dalam kalangan pelabur antarabangsa.

Dengan pengenalan SRI, transformasi Malaysia untuk mencapai status sebuah negara maju berpendapatan tinggi kini telah berjalan dengan lancar. Pelan tindakan dan pemilik projek telah dikenal pasti dan struktur tadbir urus yang rapi telah disediakan untuk memastikan akauntabiliti dalam pelaksanaannya. Selaras dengan perkembangan ini dan usaha gigih Kerajaan, pelaksanaan ETP dan GTP akan mentransformasikan Malaysia ke arah mencapai sasaran Wawasan 2020.